

# Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2019 | BIL.29



**Haseem**  
curi tumpuan hadirin  
di Majlis Idul Ilmu Konvokesyen  
UniSZA

## PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan  
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)  
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Ahmad  
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut  
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas  
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani  
Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman  
Pengarah Kampus Besut

## SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Dr. Mohd Razif Shahril  
Fakulti Sains Kesihatan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee  
Pusat Pengurusan Kecemerlangan  
Akademik dan Pengantarabangsaan

Pn. Roslida Abdul Razak  
Fakulti Perniagaan dan Pengurusan

Cik Nazilah Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff  
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin  
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad  
Penerbit UniSZA

## PENYUMBANG BAHAN

1. Perpustakaan UniSZA
2. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
3. Fakulti Sains Kesihatan
4. Fakulti Perniagaan dan Pengurusan
5. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
6. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
7. Fakulti Informatik dan Komputeran
8. Fakulti Farmasi
9. Fakulti Perubatan
10. Pusat Pengajian Siswazah
11. Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat
12. Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA
13. Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
14. Pusat Pembangunan Hospital Universiti
15. Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik dan Pengantarabangsaan
16. Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan
17. Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian
18. Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti & Risiko
19. Pusat Islam UniSZA
20. Pusat Sukan dan Rekreasi
21. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamaduan Melayu Islam
22. Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam, FBIM
23. Dr. Norasyikin Osman, FBK
24. Dr. Hamdy Abdullah, Pejabat Bendahari

Hak Cipta Terpelihara © 2019. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2019  
Pengarah, Penerbit UniSZA  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8282, Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisia.edu.my>



# KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	8
Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat	12
Tokoh	23
Rencana	34
Pencapaian	36
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	44
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	50
Sukan dan Ko-Kurikulum	60
Terbitan UniSZA	64

# Robot Naseem Penyeri Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA ke-11

Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA kali ke-11 yang telah berlangsung baru-baru ini dari 14-17 Oktober telah menjadi tular apabila dikejutkan dengan kemunculan Robot Naseem sebagai penyeri majlis. Robot yang telah dibina sepenuhnya oleh Kumpulan Penyelidikan *Mechanical, Electronic, Computing and Arts* (MECCA) itu telah berjaya mencuri perhatian para graduan dan seluruh jemputan yang hadir apabila ia muncul di atas pentas bagi menyerahkan titah pembukaan sidang konvokesyen kepada Pro Canselor dan Naib Canselor dalam beberapa sidang yang berbeza. Walaupun hanya muncul seketika, namun Robot Naseem berjaya mendapat tepukan gemuruh daripada seluruh hadirin.

Menurut Ketua Kumpulan Penyelidikan MECCA, Prof. Madya Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah, tujuan asal pembangunan Robot Naseem adalah sebahagian daripada gimik pelancaran Visi, Misi serta Nilai-nilai Teras UniSZA yang baharu, pada Majlis Santapan Malam Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA ke-11 yang diadakan pada 13 Oktober di Primula Beach Hotel, sebelum sidang konvokesyen berlangsung. Pada malam tersebut, Robot Naseem telah ditugaskan untuk membawa plak logo rasmi UniSZA untuk diserahkan kepada Tuanku Canselor UniSZA, Sultanah Nur Zahirah. Kemunculan Robot Naseem pada malam itu yang bergerak dari belakang dewan menuju ke pentas utama diiringi oleh pereka bentuk asal, Addy Putra Md Zulkifli dan Mohd Hosni Rifin yang berpakaian baju melayu tradisional serta bertanjak, telah menarik perhatian seluruh tetamu yang hadir pada malam tersebut, terutama Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah. Disebabkan sambutan yang amat positif pada malam itu, Robot Naseem telah dijemput untuk turut melaksanakan tugas sekali gus menyerikan sidang Konvokesyen UniSZA kesokan harinya.

Nama Robot Naseem telah diilhamkan sendiri oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan yang diambil sempena nama panggilan bagi Nilai-nilai Teras UniSZA yang baharu.

Naseem memberi maksud hembusan bayu yang lembut sesuai dengan lapan Nilai Teras UniSZA yang bakal membawa angin perubahan yang damai dan selesa kepada warga UniSZA keseluruhannya. Lapan nilai teras itu ialah Ilmu, Iman dan Akhlak, Amal, Kepimpinan, Kolaborasi, Keusahawanan, Transformasi dan Inovasi.



Kumpulan Penyelidikan MECCA adalah hasil kerjasama antara Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dengan Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK). Robot Naseem telah dibina sepenuhnya menggunakan segala kepakaran dan kelengkapan yang ada di kedua-dua fakulti, mengambil masa hanya tiga minggu untuk disiapkan. Ahli Kumpulan Penyelidikan MECCA terdiri daripada lapan orang kakitangan UniSZA iaitu Prof. Madya Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah, Dr. Azrul Amri Jamal, Dr. Wan Mohd Amir Fazamin Wan Hamzah, Addy Putra Md Zulkifli, Amir Fadzli Abd Ghani, Mohd Hosni Rifin, Mohd Hazim

Abd Aziz dan Zarkashim Mad Zali. Kumpulan Penyelidikan MECCA telah banyak bekerjasama dalam menghasilkan pelbagai produk inovasi sebelum ini, termasuklah menyertai pertandingan ROBOCON 2019 peringkat kebangsaan pada bulan April yang lalu. Sokongan yang padu daripada Dekan FRIT, Prof. Ts. Dr. Azizah Endut dan Dekan FIK, Prof. Madya Ts. Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin telah membantu kumpulan ini terus berkembang dalam menjalankan pelbagai projek kerjasama penyelidikan dan inovasi.

Selaku pereka bentuk asal Robot Naseem, Addy Putra Md Zulkifli dan Mohd Hosni Rifin menerangkan, tema dan konsep rekaan luaran robot ini telah dirujuk daripada robot yang pernah dibangunkan serta karakter animasi. Menurut mereka, dalam reka bentuk, proses penentuan konsep adalah penting untuk mendapat arah tuju dan reka bentuk yang dicadangkan. Kumpulan pereka dalam kumpulan ini mendapat ilham untuk reka bentuk Naseem ini setelah mendapati kita memerlukan robot yang bukan sekadar ‘*robust*’ dan keras, namun perlu mengambil kira psikologi dan emosi manusia terhadap sesuatu produk. Setelah seminggu menjalani proses reka bentuk dan perbincangan konsep, akhirnya terhasil reka bentuk yang ada sekarang, menzahirkan personaliti seorang kanak-kanak comel yang ingin meneroka dunia. Setelah persetujuan dicapai, reka bentuk tersebut dibangunkan melalui visual 3D sebelum diteruskan dengan proses cetakan 3D bagi membentuk badan luaran robot. Amir Fadzli Abd Ghani yang merupakan pakar dalam cetakan 3D menjelaskan bahawa proses cetakan 3D telah dilaksanakan sepenuhnya di Makmal Inkubator FRIT dan telah mengambil masa 24 jam sehari selama dua minggu tanpa henti. Dalam masa yang sama, struktur asas yang menyokong robot tersebut juga dibangunkan di Bengkel FRIT dan sejurus segala tetapan fizikal selesai, kumpulan penyelidik dari FIK, Prof. Madya Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah dan Dr. Azrul Amri Jamal telah mengambil alih untuk membangunkan pendaavian, pemasangan alat elektronik, pengaturcaraan program serta proses pengujian robot tersebut.

Setelah Robot Naseem menjadi tular di media sosial dan elektronik, Kumpulan Penyelidikan MECCA telah mendapat banyak jemputan temu bual oleh stesen radio dan televisyen termasuk Manis FM, RTM dan Astro Awani. Robot Naseem juga telah diundang ke pelbagai acara rasmi di dalam dan di luar UniSZA bagi menyerikan majlis, termasuk Kolokium Pendidikan IR4.0 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik pada 5 November yang lalu. Selesai Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA, Kumpulan Penyelidikan MECCA terus merancang untuk menambah baik keupayaan Robot Naseem agar ia dapat berinteraksi dengan manusia melalui percakapan. Dr. Wan Mohd Amir Fazamin Wan Hamzah, yang merupakan penyelidik dalam bidang *Learning Analytics* dan *Machine Learning* telah berperanan membangunkan teknologi pengecaman suara khusus untuk Robot Naseem. Beliau mempunyai banyak pengalaman dalam membangunkan sistem perbualan sama ada menggunakan teks atau suara.

Akhirnya terhasilah apa yang anda lihat hari ini, Robot Naseem bukan sahaja mampu bergerak dan menjalankan tugasannya, namun mampu bercakap, menyapa dan menjawab soalan-soalan asas yang telah diprogramkan. Pada peringkat permulaan ini, Robot Naseem hanya mampu menjawab soalan-soalan asas berkenaan UniSZA, namun Kumpulan Penyelidikan MECCA akan terus menambahbaik kemampuan Robot Naseem dari semasa ke semasa. Pada ketika ini Kumpulan Penyelidikan MECCA sudah pun merancang untuk membangunkan robot kedua bagi menjadi pasangan Robot Naseem yang kemungkinan akan muncul pada Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA pada tahun 2020.



# UniSZA PERINTIS PERTAMA


Hasilkan 3,473 Skrol Graduan Melalui Teknologi *Blockchain*

UniSZA mencipta satu sejarah baharu, menjadi universiti pertama menggunakan teknologi *blockchain* bagi mengesahkan ketulenan skrol graduan di Majlis Idul Ilmi Konvokesyen kali ke-11. Melalui aplikasi yang dikenali sebagai myBLOCKCERTS, sebanyak 3,473 data skrol disimpan dalam *private blockchain* UniSZA yang dihubungkan kepada pelbagai nod serta lokasi bagi mengelakkan daripada digodam atau dipalsukan.

Aplikasi teknologi *blockchain* terhadap data skrol para graduan dapat meningkatkan kebolehpercayaan umum terhadap kesahihan skrol dan seterusnya dapat menghapuskan isu sijil palsu dalam kalangan masyarakat. Aplikasi ini mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri iaitu maklumat sulit dan peribadi akan terjamin dari segi kesediaan data, telus serta berintegriti. Bagi proses menentu kesahan pula, ia dilakukan secara terus tanpa memerlukan pihak ketiga melalui teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology*). Hal demikian, ketulenan skrol boleh disahkan oleh sesiapa sahaja tanpa batasan masa dan geografi.

Teknologi ini membolehkan pengguna, majikan atau sesiapa sahaja mengimbas Kod QR yang unik pada skrol graduan dengan menggunakan kamera telefon pintar di samping boleh memuat turun aplikasi myBLOCKCERTS versi iOS atau Android. Hasil imbasan Kod QR akan memaparkan maklumat graduan seperti nama penuh, program pengajian, tarikh graduasi dan kelas ijazah. Selain itu, aplikasi yang dibangunkan ini mempunyai beberapa ciri yang dapat meningkatkan hubungan antara universiti, alumni dan pihak industri.

Projek asal ini telah dimulakan oleh mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad. Projek ini juga adalah hasil kerjasama dari beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) iaitu Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR), Fakulti Informatik dan Komputeran, Pusat Kecemerlangan Akademik dan Pengantarabangsaan serta Pusat Pengurusan Siswazah, selain mendapat kerjasama daripada syarikat Interstream Sdn Bhd.



Hasil daripada pencapaian yang membanggakan ini, pasukan myBLOCKCERTS telah dijemput untuk menghadiri segmen Selamat Pagi Malaysia dan Astro Awani bagi menjelas dan menerangkan mengenai myBLOCKCERTS. Dengan kejayaan ini, UniSZA ingin menawarkan kepakaran teknologi *blockchain* serta kolaborasi antara institusi pengajian tinggi atau agensi yang memerlukan khidmat penyimpanan data melalui platform *blockchain* UniSZA berdasarkan Ethereum dan pengesahan sijil menggunakan myBLOCKCERTS.

# Core Values: The 8 Petals - Naseem



“

UniSZA's logo consists of 8 petals (called Naseem) symbolizing 8 values which will be imbued in every individual.

”

The 8 values are:

**1. Knowledge (*Ilmu*)**

An action oriented maverick who conducts research led teaching armed with contemporary knowledge to solve current and relevant issues which lead to commercialization.

**2. Faith & Akhlaq (*Iman & Akhlaq*)**

A visionary and value oriented person of high moral standing.

**3. Deeds (*Amal*)**

An accountable and transparent individual who cares and contributes to society.

**4. Leadership (*Qiyaadah*)**

A dynamic pragmatic leader who is bold enough to make a difference and manages from the heart.

**5. Collaboration (*Ta'awun*)**

A team player with excellent communication and global networking skills.

**6. Entrepreneurship (*Tijaarah*)**

A persistent and successful entrepreneur.

**7. Transformation (*Taghyir*)**

An individual who embraces culture and is armed with a transformational mindset leading to autonomy and financial independence.

**8. Innovation (*Ibtikaar*)**

An individual who embraces creative thinking, leveraging on digital and disruptive technology.

# Buku Pengajaran Bahasa Arab di Asia Tenggara: Antara Pemantapan dan Penilaian Semula

Pengulas: Norasyikin Osman, Ph.D.  
Emel: norasyikinosman@unisza.edu.my

Persidangan Bahasa Arab Asia Tenggara 2019 (PBAAT 2019) telah dianjurkan pada 11 hingga 12 September oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dengan kerjasama daripada beberapa universiti terkemuka di sekitar Asia Tenggara. Persidangan tahunan ini mengangkat tema ‘Buku Pengajaran Bahasa Arab di Asia Tenggara: Antara Pemantapan dan Penilaian Semula’. Persidangan ini dihadiri oleh 80 orang peserta dari Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura.

Salah seorang pembentang ucap utama persidangan ini ialah Prof. Dr. Rosni Samah, pensyarah USIM merangkap profesor pelawat FBK. Inti pati utama kertas kerja tersebut membincangkan ciri penyediaan buku teks dari sudut teori pendidikan. Beberapa teori penting telah dikupas iaitu teori yang berkait rapat dengan kriteria yang perlu ada dalam menghasilkan sesebuah buku teks. Teori tersebut terdiri daripada teori Ibnu Khaldun, teori tingkah laku (*behaviourism*), teori konstruktif, visi falsafah kebangsaan dan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR).

Menurut Prof. Rosni, Ibnu Khaldun telah menjelaskan bahawa penguasaan bahasa itu mempunyai persamaan seperti proses mencipta sesuatu. Seseorang itu memperoleh bahasa melalui pembelajaran dengan kaedah pengulangan dan latihan yang berterusan. Pemerolehan bahasa juga boleh berlaku menerusi pendengaran, peniruan daripada penutur jati serta hafalan teks bahasa Arab Kasik dan Moden. Kaedah hafalan memainkan peranan penting dalam menguasai sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, hafalan sahaja tidak mencukupi kerana ia perlu seiring dengan kefahaman. Menurut Ibnu Khaldun, kefahaman merupakan asas untuk menguasai sesuatu bahasa. Penggunaan bahasa turut menyumbang kepada penguasaannya. Struktur ayat yang telah dihafal seharusnya digunakan untuk mengukuhkan lagi bahasa. Ketiga-tiga proses ini iaitu hafal, faham dan guna merupakan penyumbang utama dalam menguasai sesuatu bahasa. Menggunakan bahasa itu sendiri, merupakan asas terpenting untuk menguasai sesuatu bahasa. Ibnu Khaldun sangat menekankan proses penggunaan bahasa supaya pelajar dapat menguasai bahasa.

Seterusnya Prof Rosni, membincangkan peranan teori tingkah laku dalam penguasaan bahasa seseorang. Antara pelopor awal teori tingkah laku ini, ialah Watson dan Skinner. Teori ini menegaskan bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa menerusi persekitarannya. Kanak-kanak kebiasaannya akan meniru bahasa persekitarannya dan mengulangi perkataan tersebut.

Sebaliknya, teori konstruktif beranggapan bahawa seseorang itu membina makna atau kefahaman bukanlah daripada pendengaran dan pengulangan semata-mata bahkan ia turut dibina dari dalam diri seseorang dan dipengaruhi



dengan persekitaran, masyarakat serta bahasa. Antara pelopor teori ini, ialah Piaget dan Ausubel. Konsep teori ini sepetimana yang diutarakan oleh Piaget iaitu seseorang itu akan cuba mengadaptasi sesuatu berdasarkan pengalaman terdahulu seterusnya menyelaraskan dengan perkara baharu. Interaksi individu dengan persekitaran turut menyumbang proses membina makna sesuatu maklumat.

Seterusnya, Prof. Rosni menjelaskan visi falsafah pendidikan kebangsaan iaitu pembelajaran abad ke-21 mementingkan pembelajaran berpusatkan pelajar, pemerolehan kemahiran komunikasi serta pemikiran kreatif dan kritis dengan mengambil kira nilai kehidupan. Antara kriteria penting yang digariskan oleh CEFR dalam pembelajaran bahasa ialah:

1. Perantaraan (*mediation*) - Dalam mempelajari mana-mana bahasa baharu, kebiasaan pelajar memerlukan bahasa perantaraan untuk membantu memahami bahasa sasaran dengan lebih mudah. Antara contoh strategi yang digunakan ialah terjemahan secara lisan, terjemahan secara penulisan dan ringkasan.
2. Fonologi (*phonology*) - Pembelajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan sekiranya mempunyai model daripada penutur jati bahasa yang ingin dipelajari. Kanak-kanak yang mempelajari bahasa memerlukan alat bantuan dalam proses pembelajaran mereka. Namun, tidak kesemua bahan yang tersedia ada sesuai dengan mereka. Oleh itu, dalam menyediakan bahan untuk pembelajaran bahasa, umur pelajar serta metodologi yang digunakan dalam proses pembelajaran perlu diambil kira.
3. Sastera - Dalam penulisan sastera, terdapat tiga tema yang berkaitan dengan teks sastera dan teks kreatif iaitu membaca sebagai aktiviti masa lapang, ekspresi diri dalam memberi tindak balas terhadap teks kreatif serta menganalisis dan mengkritik teks kreatif.
4. Interaksi dalam talian, kerjasama menerusi internet dengan tujuan tertentu - Kriteria ini berkait rapat dengan penggunaan internet yang seterusnya membawa kepada interaksi dan percambahan idea dengan pengintegrasian media yang pelbagai. CEFR mengandungi tiga dimensi utama iaitu aktiviti bahasa, bidang yang melibatkan aktiviti bahasa dan kemampuan yang diperlukan untuk menyertai aktiviti tersebut. Aktiviti bahasa merujuk kepada penerimaan (mendengar dan membaca), penghasilan (bertutur dan menulis), interaksi (bertutur dan menulis) dan perantaraan (menterjemah dan mentafsir).
5. Aktiviti Bahasa - Secara umumnya aktiviti bahasa dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu, penerimaan (mendengar dan membaca), penghasilan (bertutur dan menulis), interaksi (bertutur dan menulis) dan perantaraan (menterjemah dan mentafsir).
6. Domain - Komunikasi awam dan swasta berkembang menerusi penghasilan atau penerimaan teks dalam pelbagai konteks berdasarkan kepelbagaiannya keadaan dan kekangan. Konteks ini bersesuaian dengan pelbagai situasi kehidupan sosial sepetimana yang disentuh oleh CEFR. Ia terdiri daripada bidang pendidikan, profesional, awam dan individu.
7. Kompetensi - Pengguna bahasa dapat mengetahui tahap kompetensi mereka dengan membangunkan garis panduan khusus sepetimana telah digariskan oleh CEFR. Tahap tersebut mengandungi enam tahap iaitu A1, A2, B1, B2, C1, C2.

Seterusnya Prof. Rosni telah merumuskan beberapa ciri penting yang perlu ada ketika membangunkan buku teks bahasa Arab. Ciri-ciri tersebut ialah:

1. Persekutaran - Persekutaran sebaiknya berada dalam keadaan yang sesuai untuk proses pembelajaran bahasa Arab sehingga pelajar dapat merasai seolah-olah berada di negara Arab. Persekutaran ini boleh digambarkan dalam kandungan buku.
2. Matlamat - Matlamat pembelajaran yang ingin dicapai perlulah jelas. Begitu juga dengan tahap pemerolehan bahasa yang perlu dikuasai pelajar. Matlamat perlulah dirangka berdasarkan tahap yang telah ditentukan. CEFR telah meletakkan beberapa standard utama yang terdiri daripada pengguna fasih (C1 dan C2), pengguna peringkat sederhana (C3 dan C4) dan peringkat permulaan (C5 dan C6).
3. Sumber - Sumber pembelajaran pelajar boleh terdiri daripada bahan bacaan dan juga bahan audio. Bahan ini



termasuklah surat khabar, majalah, cerpen, novel, filem dan sebagainya.

4. Situasi - Situasi kehidupan harian turut dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Situasi ini boleh dibahagikan kepada situasi khusus, umum, fungsi dan pendidikan yang terdapat di pelbagai tempat, individu, institusi, peristiwa dan sebagainya.
5. Bahasa sasaran - Pelajar perlu menguasai ayat dan ungkapan bahasa sasaran iaitu bahasa Arab yang terdiri daripada kosa kata, ayat pendek, ayat panjang, perenggan pendek dan perenggan panjang.
6. Aktiviti - Aktiviti bahasa bertujuan mengukuhkan lagi penguasaan pelajar terhadap empat kemahiran bahasa iaitu penerimaan (mendengar dan membaca), penghasilan (bertutur dan menulis), interaksi (bertutur dan menulis) dan perantaraan (menterjemah dan mentafsir).
7. Latihan pengukuhan - Latihan pengukuhan diperlukan untuk meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap tajuk yang dipelajari
8. Kemahiran bahasa sasaran - Pada akhir pembelajaran dengan menggunakan buku teks, diharapkan pelajar dapat menguasai kemahiran bahasa sasaran iaitu penerimaan (mendengar dan membaca), penghasilan (bertutur dan menulis), interaksi (bertutur dan menulis) dan perantaraan (menterjemah dan mentafsir).
9. Gambar yang memberi galakan - Gambar yang berwarna warni dapat memaparkan gaya persembahan buku tersebut.
10. Bacaan tambahan - Maklumat ringkas atau perenggan pendek yang menyokong bahan utama perlu disertakan dalam buku supaya dapat dimanfaatkan oleh pelajar.

Sebagai kesimpulannya, Prof. Rosni menegaskan bahawa dalam proses penyediaan buku teks bahasa, beberapa ciri penting perlu dipenuhi. Ciri-ciri tersebut merangkumi persekitaran dan penguasaan bahasa, sumber bahasa, situasi bahasa sasaran, aktiviti dan latihan, kemahiran bahasa yang disasarkan, gambar yang memberi galakan dan bacaan tambahan. Salah satu ciri buku teks yang berkesan ialah pelajar dapat belajar secara kendiri menerusi buku teks tersebut seolah-olah mereka sedang berada dalam persekitaran sebenar penutur bahasa Arab tanpa memerlukan tunjuk ajar daripada guru.



# Agriculture Transformation Towards 2050

## Leveraging on Technology Megatrends and Accommodating Emerging Issues for Adaptive Agriculture Policy and Programmes

Commentator: Nalini a/p Arumugam, PhD.


Emel: nalini@unisza.edu.my

Vision 2020 is almost nearing completion as Malaysia focuses on the next target towards 2050 which is about 30 years away. Judging from the clusters of multi-faceted challenges in technology megatrends and emerging issues, we are assured of meeting tough challenges in global agriculture in the coming decades. The uneasy outlook and complicated hurdles are full of surprises and many possibilities. In the coming years we expect the Malaysian agriculture sector to completely transform itself to better be able to cope and meet these new challenges – Agriculture Transformation Towards 2050. Based on readings from more than 40 magazines, I have employed a scenario setting strategy to secure adaptive and flexible solutions for the future of Malaysian agriculture.

In the attempt to set the agriculture scenario towards 2050, we will encounter difficult situations that require definitive and probing questions together with deep analytics. Personally, I realise that there are a host of emerging issues and technology megatrends that are shaping and defining the developmental direction of the Malaysian agriculture scenario towards 2050. These important issues are shaping the future and are elaborated below:



1. Burgeoning Global Population - Anticipated population increase towards 9.3 to 9.7 billion by 2050;
2. Imploding Rural-Urban Mobility - Intensification of rural-urban mobility and migration, nearing 80 percent urban with undue strains in the cityscape, hence managing the cities is key to managing agriculture towards 2050.
3. Climate Change Upheavals - The intensity of climate change is fast becoming a game changer for the human race towards 2050. Anticipated polar ice melting will trigger global exigencies in prompting quick solutions and unerring changes. If both the Arctic and Antarctic polar ice caps melt, it is calculated that there would be a thirteen-foot increase of the sea level. The current trend indicates that we would be far from able to halt the unrelenting melting of the polar ice caps.
4. Future of Higher Learning - The need for quick results from research and innovation has never been more in demand. The pressure on research institutions and universities to be relevant and focussed on real issues has never been more pressing.
5. Economic Rise of China and Faltering and Ageing EU - China is set to become the world's number one economic power by 2020, and become the economic epicentre of the world towards 2050.
6. Search for Earth-like Planet to Migrate - NASA and Elon Musk are unrelenting in their quest to migrate to another earth-like planet and billions are being spent on this unprecedented search.
7. Ultimate convergence of Artificial Intelligence (AI), array of sensors related to the Internet of Things (IOTs), Robotics, Automations and Mechanisation in influencing technological development in Malaysian agriculture - The combinative and cumulative convergence of artificial intelligence robotics, mechanisation and the Internet of Things (IOTs) will dramatically change the innovation landscape in agriculture. Malaysia has to react positively in critical areas of the agriculture mainstays of oil palm, rubber and food crop cultivations.



Agriculture may be one of the largest sectors in the global economy, but it is facing challenges. Climate change, population growth, and food insecurity are not just bad for business, they have a global impact. To compete in an increasingly competitive and volatile market, the farming industry needs to shake up the way it operates – and disruptive technologies hold the key. We must consider a wide range of solutions corresponding to the unfolding technology megatrends and defining emerging issues in preparing for adaptive agriculture policy and programmes in Malaysian agriculture towards 2050. Many of these issues or factors need urgent attention and quick answers. Together we must confront these factors and consider them seriously before it is too late.

# Bengkel Menjana Pendapatan Melalui Shopee UniSZA



Perniagaan elektronik (e-niaga) atau perniagaan Internet merupakan suatu kaedah perniagaan yang membolehkan seseorang menjalankan perniagaan melalui Internet. Konsep perniagaan Internet tidak jauh bezanya dengan perniagaan konvensional. Peniaga masih memerlukan produk untuk dijual dan memerlukan pelanggan untuk membeli. Perbezaannya pada proses transaksi urus niaga tersebut yang dijalankan secara dalam talian. Pihak pembeli dan penjual tidak perlu bersemuka dan boleh berada beribu-ribu batu jauhnya. Era globalisasi kini, kebanyakan pengguna lebih memilih untuk menjalankan urus niaga secara dalam talian kerana dapat menjimatkan masa dan tenaga. Oleh yang demikian, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan secara dalam talian mendapat sambutan yang tinggi pada masa kini. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka peluang kepada individu yang berminat untuk menjana pendapatan melalui perniagaan dengan cara tersebut.

Berdasarkan senario ini, pihak pengurusan Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) telah menganjurkan satu bengkel mengenai teknik untuk menjalankan perniagaan dalam talian. Bengkel tersebut dinamakan sebagai Bengkel Menjana Pendapatan Melalui Shopee UniSZA. Medium perniagaan dalam talian yang diguna pakai adalah memfokuskan kepada Shopee. Bengkel ini dijalankan di Dewan Seminar BAKAT pada 29 Julai dan disertai oleh Timbalan Dekan HEPA, pelajar Kelab Keusahawanan UniSZA (KKU), pelajar Ko-Siswa UniSZA serta PAKAT.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Seksyen Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat, Dr Azrul Amri Jamal. Objektif bengkel ini adalah untuk menambah minat peserta dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam pemasaran secara dalam talian; membongkarkan rahsia menjana pendapatan secara dalam talian dengan mudah dan praktikal; membantu peserta untuk memasarkan produk perniagaan ke peringkat antarabangsa dan melahirkan usahawan dalam talian. Semua pengisian program ini telah dirangka secara teliti bagi mencapai objektif penganjurannya.

Menerusi ucapan penutup bengkel ini, penceramah program iaitu Penolong Pendaftar Kanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Encik Mohd Ruhaifi Alias menyeru agar kesemua peserta program dapat memanfaatkan dan mengamalkan teknik perniagaan secara dalam talian yang telah dikongsikan.



# Bengkel Pecutan Akhir Haji 1440H

Bengkel Pecutan Haji 1440H merupakan rentetan daripada Bengkel Pecutan Haji 1339H yang mendapat penyertaan memberangsangkan daripada staf UniSZA dan komuniti setempat. Bengkel ini diadakan pada 6 Julai di Dewan Solat Masjid UniSZA. Tujuan bengkel ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai ibadat haji dan melahirkan ummah bertakwa yang dapat memahami peranan mereka setelah kembali daripada menunaikan haji. Bengkel ini melibatkan seramai 371 orang bakal haji yang terdiri daripada 148 orang peserta lelaki dan 223 peserta perempuan dengan kadar yuran RM10 seorang.



Bengkel ini diisi dengan dua slot ceramah yang disampaikan oleh Dr. Jamalluddin Hashim yang merupakan pembimbing ibadah haji. Beliau juga merupakan pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA.

Bengkel Pecutan Akhir Haji 1440H berjalan dengan lancar dan memuaskan hati para peserta. Bengkel sebegini dapat memberi sedikit pendedahan awal kepada para peserta yang bakal menunaikan ibadah haji.



## KOLOKIUM BLOCK-CHAIN FIK 2019

Pengalaman pelajar siswazah ketika menjalankan penyelidikan merupakan satu faktor penting dalam pembinaan seorang sarjana. Penyampaian daptan penyelidikan serta kebolehan berinteraksi dalam menerangkan hasil kajian dapat membantu

pelajar siswazah untuk lebih yakin dalam menyampaikan maklumat penyelidikan. Bagi memenuhi tujuan tersebut satu kolokium *Block-Chain* telah dianjurkan pada 20 Ogos di Bilik Seminar, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), UniSZA Kampus Besut bagi memberi peluang kepada mereka untuk berkongsi penyelidikan serta hasilnya kepada semua yang terlibat. Melalui kolokium ini juga, pelajar dapat meningkatkan kefahaman mengenai penyelidikan yang dijalankan dan memperbaiki kandungan penyelidikan agar mendapat hasil yang lebih berkualiti. Pihak pengurusan fakulti telah melantik dua orang pensyarah sebagai penceramah bagi kolokium pada kali ini iaitu Dr. Wan Aezwani Wan Abu Bakar dan Dr. Wan Nor Shuhada Wan Nik. Antara inti pati kolokium adalah berkaitan gambaran sebenar keseluruhan teknologi *Block-Chain* dan konsep *Smart Contract*. Pengajuran seminar ini mendapat maklum balas positif daripada peserta yang hadir. Banyak maklumat baharu yang diperoleh hasil daripada dua sesi ceramah tersebut. Para peserta turut diberi taklimat dan bantuan secara langsung oleh penceramah. Interaksi dua hala sepanjang kolokium tersebut banyak membantu para peserta untuk lebih memahami topik yang disampaikan. Kolokium ini turut berfungsi sebagai satu titik tolak bagi membantu para peserta untuk lebih proaktif menerbitkan penyelidikan berkualiti di samping memberi kemudahan kepada para pelajar dan penyelidik untuk menjalankan kajian serta menghasilkan produk inovasi yang bermutu dan mempunyai nilai komersial pada masa akan datang.

# FKI Anjur *Syariah Talk* Berkisar Tentang Waqaf Perkhidmatan

**S**yariah Talk merupakan sebuah program berkala yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA. Program ini menghimpunkan isu-isu kontemporari Syariah yang dibincangkan secara interaktif antara pembentang dengan audien yang hadir. Bertarikh pada 23 Jun dan bertempat di bilik Mesyuarat FKI, UniSZA, program ini telah berjaya dilangsungkan. Tetamu istimewa yang turut menyertai program ini ialah Dekan Pusat Pengajian SiswaZah, Prof Madya Dr Amir Shaharuddin yang juga merupakan mantan Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau telah membuat pembentangan dan tinjauan awal berhubung pendapat fuqaha dalam hukum wakaf perkhidmatan menurut perspektif syarak. Perkongsian ini turut menyatakan asas penting wakaf iaitu sifatnya yang berterusan dan untuk pembangunan masyarakat (*social development*). Pembentangan juga berjaya mendapatkan input dan maklum balas yang memberangsangkan daripada kakitangan akademik UniSZA, khususnya dalam kalangan warga FKI berhubung dengan wakaf perkhidmatan untuk diaplikasi di Malaysia.

Hasil dan resolusi perbincangan telah menyatakan terdapat beberapa buah negeri yang telah mempunyai peruntukan enakmen berkaitan dengan wakaf perkhidmatan seperti Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak. Walau bagaimanapun, dari segi aplikasi, masih kurang jumlah pelaksanaan dan perincian wakaf perkhidmatan. Selain itu, wakaf perkhidmatan ini penting kerana ia merupakan salah satu cara membolehkan pihak berautoriti dalam sesuatu bidang menyumbangkan kepakaran, idea dan tenaga mereka dalam bentuk wakaf yang dikenali sebagai wakaf perkhidmatan. Penelitian juga menjurus kepada keperluan menkaji secara mendalam tentang hubungan antara wakaf perkhidmatan dengan konsep kesukarelawanan dari aspek kesamaan dan perbezaan antara kedua-duanya.

Kesimpulannya, perbincangan seperti ini amat signifikan untuk memastikan sama ada perkhidmatan boleh diiktiraf sebagai bentuk wakaf atau sebaliknya. Wakaf di Malaysia sememangnya sinonim dalam kehidupan umat Islam, tetapi wakaf perkhidmatan masih dianggap satu perkara baharu yang diketengahkan untuk diterapkan dalam bentuk wakaf sedia ada. Apatah lagi, kos perubatan dan pendidikan di negara ini yang semakin meningkat menjadikan wakaf perkhidmatan sebagai cara terbaik untuk meningkatkan sumbangan awam. Perbincangan ilmiah dan jaringan akademik yang ampuh antara FKI, UniSZA dengan rakan-rakan kesepakaran dalam dan luar negara diharap akan terus diperkasakan demi faedah insan.



# GOING GLOBAL –

## FUHA Explores Law and Human Rights by Hosting International Conferences

The Faculty of Law and International Relations (FUHA) is committed to supporting research of the highest national and international standards. In line with this objective, FUHA has successfully organised two international conferences, namely the International Conference on Law and Globalisation 2019 (ICLG 2019) and the International Conference on Global Humanitarianism & Human Rights (ICGHR 2019). Both these conferences were held concurrently to 28 – 29 July. The main objective of these conferences was to expose participants to legal issues, humanitarianism and human rights in the Era of Industrial Revolution 4.0 (IR4.0). The conferences also aimed to provide a forum for participants from multidisciplinary fields to exchange and share their experience, information, ideas and research findings related to law, legal framework and the effectiveness of the existing international humanitarian principles, policies and values.

The theme for this edition of the International Conference on Law and Globalisation 2019 (ICLG 2019) was National Law in the Era of IR4.0. Whereas the theme for the International Conference on Global Humanitarianism & Human Rights (ICGHR 2019) was Humanitarianism and Human Rights in the Era of IR4.0. A wide range of papers were presented by the participants during the conferences. These presented papers covered various aspects of national law and humanitarianism and human rights which included constitutional legal issues, rights of children, cybercrimes, personal laws, education, child labour, protection of rights, role of non-governmental organisations, conflict resolution, political crises, armed conflict, prisoners of war, war crimes and others.

Overall, this edition of the interdisciplinary conferences provided an excellent forum for all participants and interested parties to discuss and exchange ideas, views, knowledge, experience, information and research findings concerning various legal and social issues of common concern. The conferences have brought together leading academicians, researchers, scholars, experts, leaders, professionals, stakeholders and private practitioners to exchange and share their experiences, information and research findings concerning national law and humanitarian issues. Most importantly, the conferences provided an opportunity to FUHA to build networking and organisational relationships with collaborating parties. It is hoped that such activities will lead to continuous collaboration and efforts in the future.



# *Graduate School Workshop towards Enhancing Academic Quality*

Plagiarism is the unethical practice of using words or ideas, either planned or accidental, of another author/researcher or your own previous works without proper acknowledgment. It is considered a serious academic and intellectual offense. It is important for students to deliver their work without any elements of plagiarism. In order to maintain strong ethical practices at UniSZA, the university utilises software known as Turnitin to detect plagiarism in the work of our students.

Turnitin is an Internet-based plagiarism detection service website that was founded in 1997. Most universities and high schools typically buy licenses to use the software as a service website, which checks submitted documents against its database and the content of other websites with the aim of identifying plagiarism. The software checks for potentially unoriginal content by comparing submitted papers to several databases using a proprietary algorithm.

In UniSZA, students are compelled to upload their written work onto the Turnitin website through their supervisors. The website generates reports which will be submitted together with the Notice of Submission (NOS). A Turnitin workshop for academic staff was held on Tuesday, 23rd July 2019 in the Graduate School Computer Lab. The workshop was delivered by Mr. David Ong, from Access Dunia Sdn Bhd, the sole distributor of Turnitin in Malaysia. More than 50 academic staff attended the workshop which was divided into two sessions. The objective of the workshop was to familiarise participants with using this website.

The Graduate School hopes that by organising this training, supervisors will be more proficient in handling and using this software, and students will in turn produce approvable theses writing. Overall, our efforts will continue to support strengthening academic performance among all at UniSZA, both our teachers and students.



# INSPIRE DAN FBK

## BEKERJASAMA ANJUR PROGRAM BERSAMA PROF. DATUK DR. AWANG SARIYAN

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) UniSZA dengan jayanya telah menganjurkan *Intellectual Discourse on Islamic Civilization* (IDSIC 2019) dan Bengkel Penulisan Amali pada 17 Julai bertempat di Bilik Mesyuarat dan Bilik Aktiviti Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA. Program yang merupakan hasil kerjasama bersama Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UniSZA ini dimulakan dengan perbincangan meja bulat dan diteruskan dengan Bengkel Penulisan Amali.

IDSIC merupakan program tahunan anjuran INSPIRE. Kali ini, pihak INSPIRE telah menjemput Karyawan Ulung UniSZA, Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan sebagai penceramah jemputan. Menerusi perbincangan meja bulat, Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan telah mengulas tentang strategi pemerkayaan khazanah ilmu dalam peradaban Alam Melayu. Program ini dijadikan platform untuk berdiskusi serta memfokuskan kepada potensi dan strategi yang boleh diusahakan dalam proses pemerkayaan seterusnya pengantarabangsaan khazanah peradaban ilmu Melayu Islam Nusantara. Karyawan ulung yang kini memegang jawatan sebagai Profesor Linguistik dan Perancangan Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia juga berpengalaman sebagai guru Bahasa Melayu dan Kertas Am, Editor dan Ketua Editor di FEP International. Kepakarannya terserlah melalui penerbitan puluhan buku ilmiah, buku umum dan kamus, ratusan makalah ilmiah dan umum dalam pelbagai jurnal, majalah dan akhbar.

Objektif penganjuran program ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menyediakan medium percambahan dan perkongsian ilmu dalam kalangan ahli akademik UniSZA, cendekiawan luar dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat. Selain itu, penceramah dan peserta berpeluang berkongsi dan bertukar-tukar pandangan dalam mencari solusi untuk membangunkan generasi di negara ini ke arah wawasan ilmu yang holistik. Perkongsian pendapat ini juga akan mewujudkan kerjasama dan kebersamaan semua pihak dan individu dalam kalangan masyarakat Melayu Islam khasnya demi melahirkan generasi yang berwawasan dan berilmu tinggi. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk melihat potensi dan strategi khas dalam proses pengantarabangsaan khazanah peradaban ilmu Melayu Islam Nusantara dari pelbagai sudut seterusnya memberi kefahaman jelas terhadap isu dan konflik yang timbul pada masa kini yang akan memberi kesan kepada generasi yang akan datang.

Kehadiran Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan ke UniSZA dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak INSPIRE melalui penganjuran Bengkel Penulisan Amali bersama beliau. Bengkel ini memberi peluang kepada peserta bengkel untuk mempelajari teknik terkini penulisan melalui kepakaran dan pengalaman penceramah dalam menghasilkan penulisan berimpak tinggi. Dengan adanya bengkel penulisan ini, para peserta telah mendapat input berguna dalam menghasilkan penulisan yang lebih segar dan moden.

Kedua-dua program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila seramai 60 orang peserta telah menghadiri perbincangan meja bulat sempena IDSIC, manakala seramai 40 orang peserta telah hadir menyertai penulisan amali yang terdiri daripada kakitangan UniSZA dan pelajar siswazah UniSZA termasuk IPT luar. Turut hadir adalah Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Dalam ucapannya, Naib Canselor menyuarakan kekaguman beliau atas usaha INSPIRE dan FBK yang membawa Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan ke UniSZA untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman beliau.



# PAKAT Anjur Sesi Sembang Teh Tarik @ Sistem Kajian Pengesahan Graduan



Sesi Sembang Teh Tarik Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) merupakan sesi kedua selepas Sembang Teh Tarik Keusahawanan yang diadakan oleh Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT). Sesi Sembang Teh Tarik SKPG ini merupakan program perbincangan santai yang diadakan pada 26 Ogos di Bilik Aktiviti di Blok Khadijah. Program ini melibatkan seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Timbalan Dekan (HEPA) dan Ketua Penyelaras Program di setiap fakulti.

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memastikan semua Timbalan Dekan (HEPA) dan Ketua Penyelaras Program Fakulti memahami definisi sebenar SKPG daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Objektifnya adalah untuk memudahkan penyampaian maklumat dari fakulti kepada para pensyarah dan terus kepada mahasiswa bagi memudahkan mereka memahami kepentingan SKPG ini.

SKPG merupakan satu sistem kajian yang bertujuan mendapatkan pandangan dan pengalaman mahasiswa terhadap beberapa aspek iaitu, program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa mereka mengikuti pengajian. Bahagian yang paling penting adalah status pekerjaan terkini mahasiswa selepas enam bulan menamatkan pengajian. Maklum balas mahasiswa sangat penting dalam membawa perubahan yang membina kepada institusi dan KPM demi mempertingkat kualiti dan taraf pendidikan tinggi negara.

Antara jawapan yang membantu mempertingkat kebolehpasaran graduan adalah dengan meletakkan status sebagai bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan bekerja sendiri. Pada tahun 2018, peratus kebolehpasaran graduan (GE) UniSZA adalah sebanyak 79.3 peratus dengan mendapat tempat ke-8 dari 20 buah Universiti Awam di Malaysia. Oleh sebab itu, PAKAT sebagai pengantara antara KPM dengan fakulti sangat menitikberatkan SKPG dan berharap fakulti cakna tentang kepentingan SKPG ini.

Peserta Sesi Sembang Teh Tarik ini dibahagikan mengikut kumpulan dan setiap kumpulan diberi topik yang berbeza berkaitan SKPG. Kaedah ini berupaya membantu pertukaran idea antara PAKAT dengan fakulti dalam memberi cadangan penambahbaikan kebolehpasaran graduan. Secara keseluruhannya, program ini dapat memberi impak yang positif terhadap kebolehpasaran graduan.



# Pameran Kemerdekaan

oleh Perpustakaan UniSZA Kongsi Rasa  
Suka-Duka Kemerdekaan Negara

Pameran kemerdekaan bertemakan ‘Road to Nationhood’ yang berlangsung di Perpustakaan UniSZA sepanjang bulan Ogos sehingga September mampu memberi gambaran tentang pentingnya mengetahui sejarah kemerdekaan negara selama 62 tahun. Pameran ini menjadi wahana bagi memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga UniSZA dan meningkatkan jati diri mahasiswa tentang perlunya menghargai kemerdekaan dan keamanan negara hari ini.

Pameran Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini juga menyampaikan mesej tersendiri kepada para pengunjung apabila turut memaparkan beberapa lukisan Sasterawan Negara, Datuk Seri A. Samad Said untuk dihayati bersama. Karya-karya beliau yang berunsurkan kemerdekaan menghiasi segenap ruang pameran tersebut memberikan inti pati dan pelbagai maksud dalam menghargai dan memelihara kemerdekaan negara.

Bersempena dengan tema Hari Kebangsaan 2019 iaitu ‘Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih’, pameran ini turut diadakan bagi meraih dan meningkatkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya kepada generasi muda.

Sebagai warganegara Malaysia, masing-masing perlu memainkan tanggungjawab dalam memelihara dan menjaga keamanan negara, apatah lagi, dalam mengharungi dunia globalisasi yang mencabar. Semangat perpaduan antara kaum juga harus diperkujuh memandangkan negara ini dihuni oleh masyarakat berbilang budaya, agama dan bangsa. Tema ‘Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih’ ketika Malaysia menginjak usia kemerdekaan ke-62 memberi makna simbolik dalam keadaan Malaysia yang mengorak langkah untuk menjadi sebuah negara maju dan berdaya saing di peringkat dunia. Dalam mengejar kemajuan, perasaan cinta kepada negara perlu seiring dengan penerapan nilai-nilai murni yang menjadi tunjang akal budi manusia.



# Pusat Islam, MKK dan PMFIK Bekerjasama Anjur Program Tahsin Bacaan Surah al-Fatiyah

Pusat Islam UniSZA Kampus Besut dengan kerjasama daripada Majlis Kolej Kediaman (MKK) dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) telah mengadakan Program Tahsin Bacaan Surah Al-Fatiyah Siri 1/2019 bertempat di Dewan Auditorium UniSZA Kampus Besut. Jumlah peserta yang terlibat dengan program ini adalah seramai 200 pelajar dan dibimbing oleh tiga orang fasilitator.

Program ini diadakan untuk berkongsi ilmu yang bermanfaat kepada mahasiswa supaya dapat memperbaiki bacaan surah al-Fatiyah. Ia juga diadakan bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang cara menyebut huruf-huruf dengan makhray yang betul dan menarik minat pelajar untuk mendalami ilmu tajwid.

Penganjuran program pada 6 Julai ini memberikan impak positif kepada peserta antaranya melahirkan sukarelawan imam dan bilal. Program ini juga diisi dengan slot pembentangan umum mengenai bacaan surah al-Fatiyah oleh Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Mohd Said Ismail. Beliau menekankan berkenaan tafsir beserta tajwid surah al-Fatiyah. Program diteruskan lagi dengan slot kedua iaitu Bacaan Surah al-Fatiyah. Penceramah memperdengarkan bacaan surah al-Fatiyah dengan cara yang betul dan peserta berpeluang untuk memperbetulkan bacaan mereka. Di hujung kedua-dua slot tersebut, peserta diberi peluang untuk mengutarakan soalan kepada penceramah melalui sesi soal jawab.

Diharapkan dengan penganjuran program sebegini, peserta akan memperoleh pelbagai ilmu mengenai tajwid dan cara bacaan surah al-Fatiyah dengan tepat, mendalami maksud dan khasiat yang terkandung dalam surah al-Fatiyah serta membacanya dengan tajwid yang betul, di samping dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Semoga program-program sebegini dapat memberikan manfaat yang berguna kepada mahasiswa.



# Seminar Amalan Baik Makmal (GLP)

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (UCL) dengan kerjasama Fakulti Biosumber & Industri Makanan (FBIM) telah mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Amalan Baik (GLP) 2019 pada 10-11 September di blok F, Kampus Besut. Penganjuran seminar ini adalah susulan daripada usaha untuk menerapkan kesedaran tentang betapa pentingnya amalan menjaga keselamatan semasa melakukan kerja amali di makmal. Selain itu, seminar ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pengurusan sisa makmal yang baik. Seramai 176 orang pelajar baharu dari FBIM dan Fakulti Farmasi telah menyertai seminar ini.

Sesi pertama seminar didahului dengan ucapan aluan oleh Pengarah UCL, Dr. Azman Azid. Dalam ucapan tersebut, beliau memperkenalkan makmal UCL dari segi struktur organisasinya, peraturan-peraturan umum menjalankan kerja amali di makmal, fungsian setiap makmal serta tatacara penggunaan peralatan di dalam makmal. Turut berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan Pengenalan kepada Amalan Baik Makmal (GLP), ialah Pensyarah Kanan FBIM, Prof. Madya Dr. John Tang Yew Huat. Sesi petang pula, dikendalikan oleh penceramah jemputan Encik Faiz Zulkifli dari syarikat PERMULA Sdn. Bhd. Beliau menyampaikan ceramah serta mengendalikan bengkel Pengurusan dan Penggunaan Alat Lindung Diri (PPE).

Seminar ini turut diisi dengan aktiviti demonstrasi alatan makmal seperti mikroskop, *autoclave*, *laminar air floq*, *micropipette*, *analytical balance*, *pH meter*, *spectrophotometer* dan *fumehood* yang didemostrasikan oleh para pegawai UCL. Para pelajar ditempatkan di setiap makmal untuk mempelajari setiap alat dalam makmal secara *hands-on*. Para pelajar turut diberi peluang untuk bersoal jawab tentang peralatan makmal dan peraturannya bersama para pegawai yang bertugas.

Seminar ini dapat dapat membentuk budaya kerja di dalam makmal yang lebih baik dan selamat. Pendekatan ini juga menjadi salah satu langkah yang bijak dalam pengurangan kos penyelenggaraan peralatan makmal secara amnya jika objektif penganjuran seminar ini dapat dicapai dengan jayanya.



# Seminar Penulisan Monograf Herba



Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terkenal sebagai pusat megabiodiversiti dan asimilasi amalan dan pengetahuan etnobotani masyarakat majmuk yang unik lagi tersendiri. Oleh sebab itu, anugerah alam seperti tumbuhan herba yang tidak ternilai ini sewajarnya bukan sahaja dijadikan landskap di persekitaran rumah, tetapi dimanfaatkan sebagai salah satu sumber penjanaan hasil. Di Malaysia, terdapat lebih daripada 215,000 jenis tumbuhan herba yang mempunyai kegunaan meluas, terutamanya dalam penghasilan produk-produk makanan, farmaseutikal, ubat-ubatan, produk penjagaan kesihatan, industri komestik dan industri kimia. Lebih menarik apabila tumbuhan herba mula mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kerana dipercayai lebih selamat berbanding ubat-ubatan moden. Hal ini bertitik tolak daripada sentimen bahawa ubat-ubatan herba diperoleh daripada tumbuhan dan bukan melalui proses tindak balas kimia. Oleh sebab itu, ubat-ubatan herba diyakini kurang memberi kesan sampingan terhadap tubuh badan berbanding ubat-ubatan moden.

Kepelbagaiannya tumbuhan herba yang merupakan khazanah negara ini telah menarik minat para penyelidik daripada Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), UniSZA untuk meneroka potensi dan khasiat untuk tujuan kesihatan serta mengkomersialkan tumbuhan herba seperti Mas Cotek, Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Kemunting Cina, Serai Kayu dan lain-lain lagi. Tambahan pula, FBIM juga sedang giat membangunkan Taman Herba di Kampus Besut bagi tujuan konservasi, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan di UniSZA.

Walaupun UniSZA telah lama bergiat aktif dalam penyelidikan herba, hasil penyelidikan tidak dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini demikian kerana hasil penyelidikan herba banyak disalurkan dan diterbitkan dalam bentuk artikel jurnal. Pada 27 Ogos, FBIM telah mengambil inisiatif menjemput dua orang pakar berkaitan herba dan penerbitan herba iaitu Prof. Dr. Nor Hadiani Ismail dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam dan Prof Madya Dr. Jamia Azdina Jamal dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk berkongsi ilmu mengenai penerbitan kepada warga akademik di UniSZA Kampus Besut. Di samping warga akademik UniSZA, seminar ini juga telah dihadiri oleh para penyelidik dari universiti berdekatan seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dalam seminar ini, panel penceramah telah berkongsi mengenai cara menulis untuk sasaran masyarakat di luar. Malahan, cara penulisan secara ilmiah, tersusun dan berkesan bagi mematuhi syarat-syarat penulisan monograf herba yang berasal daripada hasil penyelidikan turut dikongsi dalam seminar ini.

Pihak fakulti berharap sesi perkongsian kali ini telah memberi satu perspektif baharu mengenai langkah-langkah menulis secara ilmiah, seterusnya akan menggalakkan lagi warga penyelidik UniSZA untuk menyampaikan hasil penyelidikan mereka kepada semua lapisan masyarakat.



SEJENAK BERSAMA

# Pengerusi LPU DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY



## **1. Sudi sekiranya YBhg. Dato' menceritakan sedikit tentang perjalanan kehidupan sehingga dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin?**

Sebenarnya pada hari ini genap setahun saya berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah di UniSZA dan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maslee Malek atas nilai kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab ini selama tiga tahun. Saya telah berada dalam alam pendidikan di universiti semenjak tahun 1974 sebagai pengajar di Jabatan Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sehinggalah saya bersara secara rasmi pada tahun 2000 dari Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama di Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Justeru, saya mempunyai latar belakang sebagai kakitangan universiti walaupun saya terlibat dalam politik, sehingga saya dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA. Saya telah berada di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) sebagai Felo Kanan selama empat tahun bermula pada tahun 2008 sehingga tahun 2012. Selepas itu saya ditawarkan jawatan di Universiti Selangor (UNISEL) sebagai Prof. Madya di Fakulti Pendidikan. Karier saya sebagai ahli akademik berakhir di UNISEL sehingga saya kembali semula ke universiti pada 1 Oktober 2018 yang lalu sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA dan penglibatan saya dalam arena politik kian mengecil.

## **2. Menurut pandangan YBhg. Dato', apakah peranan dan tanggungjawab sebenar Lembaga Pengarah Universiti terhadap sesebuah universiti berkenaan lebih-lebih lagi ahlinya terdiri daripada pelbagai latar belakang?**

Oleh kerana universiti mempunyai perlumbaan yang dikelolakan oleh kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi, maka 20 Universiti Awam di Malaysia mempunyai perlumbaan masing-masing. Jadi dalam perlumbaan itu, mereka telah meletakkan Lembaga Pengarah Universiti dengan piagamnya yang tersendiri. Oleh itu, saya mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi piagam itu dengan sebaik yang mungkin. Saya boleh sebutkan di sini, semua perkara

besar dalam sesebuah universiti, pengurus dan ahli-ahli lembaga pengaruhnya hendaklah diberitahu secara rasmi kemudian dibahaskan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Universiti pada setiap bulan. Jika terdapat keperluan, ia akan diadakan pada masa yang difikirkan sesuai untuk membincangkan sesuatu perkara dan membuat keputusan. Jadi, peranan Lembaga Pengarah Universiti adalah besar dan amat penting bagi menentukan hala tuju pembangunan universiti secara khusus. Pihak Lembaga Pengarah Universiti memang tidak akan campur tangan dalam urusan Naib Canselor, Timbalan-timbalan



Naib Canselor, Pendaftar dan lain-lain peringkat pentadbiran. Tugas-tugas eksekutif ini adalah hak mutlak Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan yang lain. Namun, sebagai Lembaga Pengarah Universiti, kami mempunyai hak untuk mengetahui dasar-dasar rasmi universiti, hala tuju, perubahan-perubahan dan tugas kami juga termasuk keperluan untuk merapatkan universiti dengan industri. Sehubungan itu, Lembaga Pengurusan Universiti mempunyai tiga orang tokoh besar dalam industri, iaitu Tan Sri Tony Fernandes sebagai orang kuat Air Asia, Dato Seri Mohamed Azahar Mohamed Kamil sebagai Pengurus Syarikat QS Brands yang bertanggungjawab terhadap produk KFC dan Pizza Hut dan Encik Mohamed Ali Ghazali daripada industri pertanian dalam sektor swasta. Selain itu, saya juga ingin tegaskan di sini bahawa UniSZA mempunyai keunikannya tersendiri. Komponen Islam dan sains sosial merupakan satu kekuatan kepada universiti ini kerana ia mempunyai kaitan dengan sejarah pendidikan Islam bermula dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dahulu. Kita mempunyai Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan jumlah pelajarnya seramai 2,500 orang. Ini melambangkan jati diri utama UniSZA. Malah, UniSZA mempunyai tokoh-tokoh utama seperti Prof. Dato' Dr. Mohamad Abu Bakar sebagai penyandang Kursi Sultan Mizan yang juga merupakan ahli akademik dari Terengganu yang kita banggakan kerana terkenal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kita juga mempunyai tokoh korporat zakat yang terkenal dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu Encik Ahmad Shukri Yusof yang merupakan CEO Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Selain itu wakil-wakil kerajaan seperti wakil Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Fungsinya cukup dinamik dan kami akan mengadakan perjumpaan pada setiap bulan.

### **3. Sebaik sahaja YBhg. Dato' diamanahkan menerajui barisan Lembaga Pengarah Universiti, apakah langkah pertama dan penting yang diambil oleh YBhg. Dato' dalam mengorak langkah untuk memperkasa UniSZA?**

Langkah pertama yang dibawa dalam agenda Lembaga Pengarah Universiti adalah proses untuk pensejagat atau mengglobalisasikan universiti supaya berfungsi dengan lebih dinamik dan lebih dikenali umum serta berefektif tinggi dalam menerobos jaringan akademik antarabangsa. Antara langkah penting yang telah dibuat adalah seperti MoU dengan banyak universiti di peringkat Asia, Eropah dan Timur Tengah. Kita juga berbangga kerana beberapa orang profesor antarabangsa telah bersetuju untuk bekerjasama dengan UniSZA. Ini dapat diperhatikan apabila Institut Pemikiran Islam Antarabangsa yang beribu pejabat di Riyad dan Washington telah sudi untuk menghantar tokoh akademik dari Sudan iaitu Prof. Dr. Ibrahim Ali ke sini. Beliau akan ditempatkan di Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan (INSPIRE) sebagai Profesor Pelawat selama enam bulan. Tokoh besar ulama Islam dari Maghribi yang juga merupakan Ketua Kesatuan Ulama Sedunia dan sarjana terkenal dalam bidang *maqasid syariah*, iaitu Prof. Sheikh Dr Ahmad al-Raysuni datang pada bulan Februari 2020. Kedatangan beliau akan memeriahkan lagi aktiviti akademik di UniSZA sekali gus mempercepatkannya untuk lebih terkenal di peringkat antarabangsa.

**4. Sebagai Pengurus LPU, apakah strategi yang dilakukan oleh YBhg. Dato' untuk memperkasakan UniSA sebagai ‘Islamic University’?**

Saya telah berjumpa dua kali dengan tenaga akademik FKI dan kami telah merancang strategi awal dengan mengundang tokoh-tokoh sarjana Islam antarabangsa seperti Prof. Madya Dato Khairuddin al-Junaid dari Nasional University of Singapore yang telah membicarakan tentang keserjanaan Hamka dan beliau mempunyai hubungan yang amat rapat dengan UniSZA. Selain itu, UniSZA turut memperkuuh FKI dengan mengundang Prof. Dr. Osman Bakar, untuk mengadakan syarahan umum kepada warga UniSZA tentang konsep ilmu pengetahuan kerana beliau pakar dalam bidang tersebut. Kita juga telah mengadakan persidangan dua hari dengan kerjasama pelajar-pelajar FKI khususnya di Jabatan Syariah mengenai *Maqasid Syariah*. Saya dan beberapa rakan mempunyai perancangan untuk melonjakkan pengajian Islam dengan menjalin kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Genting Highland sebelum kedatangan Naib Canselor baharu yang ada sekarang ini. Kita juga akan terus memastikan MoU tersebut berjalan dengan baik dengan mengundang tokoh-tokoh antarabangsa untuk tinggal di sini dalam tempoh enam bulan sehingga setahun bagi memperkuuhkan program pengajian Islam di UniSZA.

**5. Kaedah sistem pendidikan abad ke-21 sedikit sebanyak memberi cabaran kepada pihak universiti dalam memperkasa kegemilangan dari aspek pembangunan sahsiah dan akademik. Menurut pandangan YBhg. Dato', apakah perancangan masa hadapan yang perlu diperkasa untuk melonjakkan UniSZA di persada dunia?**

Persoalan ini sangat besar kerana ia memerlukan pendekatan yang komprehensif. Kita memerlukan pendekatan secara kognitif dan efektif bagi menyaksikan ia berjaya mencapai matlamat. Jika di Jepun, pendekatan yang digunakan mereka tidak terlalu menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran. Dalam tempoh seminggu hanya tiga hari sahaja pelajar didedahkan dengan buku teks dan dua hari lagi diberi ilmu langsung dan tidak langsung yang boleh memberi lonjakan kreativiti kepada pelajar. Sebagai contoh, pelajar diminta untuk membersihkan bilik air, pelajar senior membantu pelajar junior dan bekerja dalam suasana yang ceria dan tidak dipaksa. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah betapa pentingnya universiti kita mewujudkan satu persekitaran dan iklim yang berasaskan kurikulum yang ceria dan tidak membebankan. Dengan kehadiran teknologi maklumat (IT), kecanggihan perhubungan dunia yang diadakan secara dalam talian, UniSZA mengorak langkah dengan mendigitalkan manuskrip peninggalan sarjana Islam terdahulu. Ini dilihat amat drastik apabila Naib Canselor dan rombongan pegawai-pegawai universiti telah melawat Universiti Durham beberapa bulan yang lalu. Kemudian kita juga merancang untuk bekerjasama dalam pelbagai program dan aktiviti dengan beberapa universiti dunia yang tersohor. Justeru, kemudahan dan teknologi di UniSZA seharusnya digarap dengan semaksimum yang mungkin dengan mengekalkan pendekatan tradisional dalam pengajian Islam pada tempat-tempat tertentu tanpa menolak seratus peratus penggunaan teknologi semasa. Jadi kita memerlukan integrasi antara pendekatan tradisional dengan pendekatan kontemporari kerana ia selari dan berimbangan. Saya yakin UniSZA dapat melahirkan graduan yang lebih unik, cemerlang dan holistik.

**6. Dalam pembaharuan dan perubahan yang banyak berlaku dalam dunia pendidikan, apakah cabaran utama YBhg. Dato' hadapi untuk membawa UniSZA ke peringkat yang lebih tinggi dan memenuhi apa yang diimpikan?**

Kita berhadapan dengan banyak cabaran yang berbentuk dalaman dan luaran. Cabaran dalaman wajar diambil cakna dengan lebih serius dan diletakkan di tempat pertama untuk ditangani. Saya merasakan bahawa keyakinan diri, visi yang jauh, dedikasi kerja yang baik, profesionalisme, disiplin dalam pekerjaan dan bekerja dalam satu pasukan merupakan nilai teras yang perlu dihayati semua warga UniSZA untuk berhadapan dengan cabaran luaran. Ini adalah cabaran-cabaran dalaman yang ditambah pula dengan kekangan kewangan. Namun, kita berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan jika berlakunya penggabungan UniSZA dan UMT, peruntukan yang diberikan semakin banyak. Apabila kita menyentuh perkara berkaitan kewangan, ia bukan sahaja daripada kerajaan semata-mata. Namun, kita perlu berfikiran kreatif bagi menjana pendapatan yang mencukupi demi mencapai segala visi dan misi yang digariskan. Kita sedang merancang supaya alumni daripada UniSZA ini kuat seperti yang berlaku di universiti di Barat. Bukan di Barat sahaja, universiti tempatan pun ada yang terkehadapan dalam hal memperkasa alumni mereka seperti Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Jika kita dapat teladani mereka, UniSZA akan mempunyai kekuatan kewangan yang datang daripada alumninya sendiri dan ini akan memberi faedah untuk survival UniSZA pada masa hadapan.

**7. Beberapa bulan yang lalu, UniSZA dan Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) telah menandatangani MoU. Antara hasilnya, UniSZA telah menerima kemasukan pelajar daripada keluarga B40 yang dikenal pasti dan dibiayai oleh YDSM. Oleh yang demikian, apakah pandangan YBhg. Dato' kepada UniSZA dari aspek kebaikan dan impak terhadap kemantapan pendidikan negara apabila perkara ini dilaksanakan?**

Kita sangat bersyukur kerana hubungan UniSZA dengan YDSM begitu baik dan kukuh. Ini merupakan manifestasi daripada keberkatan nama Sultan Zainal Abidin, iaitu pengasasnya yang juga nenda kepada Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin yang merupakan seorang tokoh ulama yang berstatus sultan. Ia memberikan satu penceran cahaya kepada warga UniSZA yang tanggungjawab mereka adalah berkenaan dunia pendidikan serta tidak melupakan golongan fakir dan tidak berkemampuan. Ini merupakan tindakan yang sangat mulia yang disukai oleh Allah s.w.t. dan mudah-mudahan ia diiringi dengan keberkatan. Kita akan menyaksikan UniSZA boleh menjadi satu universiti yang dianggap serius dan istiqamah dalam membantu golongan *mustad'afin* (lemah) agar mendapat pendidikan dan meneruskan pelajaran mereka dengan lebih baik di universiti ini. Kita mengalu-alukan hubungan yang rapat ini kekal dan diperkuuhkan dari semasa ke semasa.

**8. Menurut pandangan YBhg. Dato' secara keseluruhannya, apakah perkara yang perlu diambil tindakan segera oleh UniSZA agar ia berjaya melonjak dengan lebih cepat dan terkehadapan?**

Dari segi tindakan segera dan proaktif, saya fikir bahawa UniSZA perlu memastikan semua warga pendidik atau ahli-ahli akademiknya mempunyai PhD dan sijil-sijil profesionalisme dari semasa ke semasa dalam semua bidang. Saya suka memberikan contoh, ketika saya di UIAM dahulu, Profesor Emeritus di sana iaitu tokoh ilmuwan dari Arab Saudi yang tinggal di Amerika mewajibkan semua pensyarah tempatan mempunyai PhD. Hatta para ahli akademik yang berumur 50 tahun ke atas juga perlu mempunyai PhD. Dengan itu, di UniSZA ini kita mahukan semua kakitangan akademik berkelulusan PhD. Langkah seterusnya ialah memperkasa sistem teknologi maklumat dengan memperkemas teknologi terkini. Jadi, tenaga dalam bidang tersebut di UniSZA perlu diberi keutamaan untuk menjalani latihan jangka pendek dan panjang, terutamanya di negara-negara berteknologi canggih dalam penguasaan IT. Kebetulan saya baru pulang dari Dubai bersama Naib Canselor dan Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang. Kami melawat tiga buah universiti yang amat canggih dari aspek sistem teknologi maklumat. Mereka mempunyai teknologi yang tinggi dan sangat luar biasa dalam bidang kesihatan, sains sosial dan kurikulum. Jadi kita merasa bersemangat dan teruja untuk memperkasa IT dalam medium kurikulum dan kurikulum di UniSZA.

**9. Secara keseluruhannya, apakah saranan YBhg. Dato' kepada kakitangan dan pelajar UniSZA untuk menjayakan pelan strategik yang digariskan?**

Perkara pertama mestilah diasaskan dengan kekuatan perpaduan, kesatuan berfikir, *university of action*, kesatuan berfungsi dan ini akan menjelmakan satu kaedah '*esprit de corps*' iaitu istilah bahasa latin yang bermaksud berada dalam satu kumpulan kerja yang kukuh. Kita boleh ambil contoh dari Jepun dan Korea. Semangat kekitaan mereka sangat tinggi iaitu yang kuat membantu yang lemah, manakala yang lemah tersantun jiwa mereka melihat yang bekerja dengan kuat dan cemerlang. Jadi akhirnya universiti berkenaan tidak mempunyai isu berkaitan dengan kakitangan yang lemah dan tidak produktif. Atau dengan ungkapan Islamnya '*wata'awanu 'ala al-birri wa al-taqwa*'. Dengan maksud, hendaklah kamu bekerjasama dalam perkara yang membawa kebaikan dan boleh memperkuuh ketakwaan.

SEJENAK BERSAMA

# TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA PROF. DR. MOHD AFANDI SALLEH



## 1. Apakah perasaan YBhg. Prof. apabila dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta apakah gaya kepimpinan yang ingin dibawa dalam pelaksanaan pembangunan sepanjang tempoh pelantikan?

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berkongsi maklumat dan pengalaman. Untuk pengetahuan semua, saya telah dilantik selama lebih kurang setahun bagi jawatan sekarang. Pada permulaannya saya sedikit berdebar atas pelantikan ini kerana ia adalah suatu amanah yang besar memandangkan bilangan para pelajar UniSZA yang aktif adalah ramai. Ia seolah-olah tanggungjawab seorang bapa kepada anak-anak dalam kumpulan yang besar di samping menanam hasrat ingin memastikan mereka mendapat layanan dan hak yang sama. Selain itu, saya berharap agar dapat dibangunkan potensi dan diasahkan bakat mereka dengan baik agar mereka berpuas hati belajar di sini serta akan diingati apabila meninggalkan UniSZA nanti. Ini adalah cabaran yang agak besar bagi saya.

Oleh itu, saya perlu membawa suatu suasana baharu di peringkat pengurusan. Gaya kepimpinan bagi pelaksanaan pembangunan yang akan dibawa adalah secara musyawarah. Bagi saya ia merupakan asas yang paling besar kepada gaya kepimpinan. Memandangkan tanggungjawab ini besar, saya tidak mampu melaksanakannya secara berseorangan. Oleh itu, saya lebih terarah dan suka kepada gaya kepimpinan secara '*empowerment*' iaitu memberi kuasa kepada staf di bawah saya. Di samping itu, tugas-tugas tertentu juga akan didelegasikan kepada staf saya untuk dilaksanakan dan mereka digalakkan melakukannya mengikut proses yang sama iaitu secara musyawarah bagi mendapat keputusan yang bagus dan terbaik. Saya percaya kepada mereka, cuma di peringkat permulaan beberapa arahan perlu diberi terlebih dahulu dan ia perlu jelas agar mereka tahu perkara yang diperlukan dengan sedikit pengawalan.

Seterusnya, saya melihat perlaksanaan sesuatu itu perlu dilakukan secara '*prudent*' iaitu berjimat tetapi bukan kedekut. Maksud saya, kita melihat sesuatu perkara itu boleh dilaksanakan secara lebih berhemah dari sudut bajetnya. Hal ini kerana kos yang ditanggung datang daripada duit rakyat dan duit pelajar, maka tidak boleh diborosi dengan

sewenang-wenangnya. Jadi langkah awal apabila saya berada di sini, saya melaksanakan langkah penjimatan. Semua bajet perlu diperhalus dan kita tidak bermewah sama ada dari sudut staf atau pelajarnya. Menariknya pada tahun 2019, sehingga bulan Oktober, kita telah melaksanakan 1,300 program dengan jumlah bajet yang lebih sedikit berbanding separuh daripada bajet tahun yang sebelumnya. Ini bermakna, dengan jumlah bajet yang sama yang diberikan kepada HEPA, kita boleh melaksanakan quantum program dengan lebih banyak tanpa mengurangkan kualitinya. Lebih menarik lagi, bagi projek pelajar, kita menggalakkan keterlibatan dan penggembelangan semua orang iaitu '*crowd funding*' bagi sesuatu projek. Contohnya, kalau satu program itu memerlukan RM10,000 dan kita hanya meluluskan RM3,000 sahaja. Selebihnya kita minta para pelajar mencari dana sendiri. Ini akan menjadikan pelajar lebih kreatif kerana saya juga merasakan masyarakat luar sebenarnya ingin turut serta membangunkan aktiviti-aktiviti pelajar. Secara tidak langsung, program yang HEPA laksanakan melibatkan semua pihak dengan menyebarluaskan aktiviti pelajar kepada pihak luar terutamanya masyarakat. Selain itu, mereka turut tahu dan terbabit serta akhirnya manfaat dapat dinikmati bersama khususnya para pelajar dan masyarakat luar amnya.

## **2. Apakah hasrat dan pembaharuan yang menjadi cita-cita dan harapan YBhg. Prof. sebaik sahaja diamanahkan untuk menerajui perkara berkaitan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di UniSZA?**

Ya, di sini yang menjadi cita-cita dan harapan ialah pemerkasaan pelajar perlu dihayati, iaitu dengan tidak menafikan bahawa era sekarang adalah era pelajar. Maksudnya, kita ingin memaknakan pemerkasaan pelajar dengan mengambil kira semua kesatuan pelajar yang ada di UniSZA kerana mereka adalah entiti yang akan memayungi para pelajar amnya. Kesatuan ini perlu dibangunkan sebagai entiti yang dipanggil '*Thinking and learning organization*'. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang akan datang atau mana-mana kesatuan pelajar yang ada di UniSZA perlu menjadi entiti yang belajar dan berfikir di samping menjadi kreatif. Ketiga-tiga elemen ini membuka peluang kepada pelajar untuk lebih berinovasi, terutamanya bagi menangani Revolusi Industri 4.0 iaitu mereka perlu acquire skills kepada benda-benda baharu untuk lebih berinovasi seperti *internet of things*, perlu kepada data, perlu kepada jaringan dan sebagainya. Jika tidak mereka akan ketinggalan. Di peringkat HEPA sendiri, '*thinking and learning*' juga diaplikasikan kepada staf HEPA kerana mereka adalah *front people* yang mengurus dan membimbang pelajar untuk lebih cemerlang dalam berfikir, belajar dan menjadi kreatif.

## **3. HEPA berperanan merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti pelajar untuk melahirkan insan yang berkeperibadian unggul dan mempunyai minda kelas pertama. Apakah kaedah yang diterapkan di UniSZA bagi melahirkan golongan pelajar yang cemerlang dengan berteraskan pendidikan 4.0?**

Usaha untuk mendidik mahasiswa dalam era Revolusi Industri 4.0 kini adalah bukan tugas yang mudah dan ia amat mencabar. Pendekatan pembelajaran dan pengajaran (PdP) perlu berubah bersesuaian dengan perubahan teknologi yang pantas bagi keberkesanan dalam PdP.

Oleh yang demikian, para pensyarah dan mahasiswa perlu disedarkan dengan keperluan untuk berubah dan menerima pakai pendekatan *heutagogy*, iaitu pembelajaran pelajar adalah berarah-kendiri, fleksibel, berpusatkan pelajar dan sepanjang hayat. Pembelajaran kini tidak lagi sepenuhnya dijalankan di dalam bilik kuliah dan tidak lagi terbatas kepada lokasi atau tempat. Hal ini kerana zaman ini adalah zaman bebas pengetahuan dan kemahiran, justeru tiada halangan untuk seseorang mengetahui sesuatu tentang data dan maklumat kerana pengetahuan kini terlalu mudah untuk diperoleh. Semuanya hanya di hujung jari.

Dalam era Revolusi Industri 4.0, sistem pendidikan yang diperlukan adalah sistem yang bukan sahaja mampu melahirkan pelajar yang mengaplikasikan pembelajaran sepanjang hayat tetapi mempunyai set kemahiran menyeluruh untuk menangani perubahan pantas.

Begitu juga pendekatan yang kami gunakan di UniSZA dalam menguruskan hal ehwal pelajar. Kami menggunakan pendekatan 'libat sama pelajar dalam pentadbiran'. Sebagai contoh, lantikan pelajar sebagai ahli senat, karnival mahabbah yang diuruskan sepenuhnya oleh pelajar, penglibatan dalam majlis idul ilmi, dan pilihan raya kampus juga bakal diuruskan oleh pelajar nanti pada masa akan datang. Pendekatan ini bukan sahaja mampu melahirkan pelajar yang berdikari, berkomunikasi dengan baik dan proaktif malah turut mampu melahirkan graduan yang diperlukan oleh majikan.

Mahasiswa merupakan generasi yang terpilih untuk mencari dan mendapatkan ilmu, mereka sebenarnya sedang melalui proses pembentukan diri ke arah menjadi seorang yang berilmu dan beradab. Dalam mana-mana tamadun dunia, kedudukan orang yang berada dalam jalan ilmu sememangnya tinggi. Dalam masa yang sama, mereka juga mempunyai tanggungjawab besar kepada masyarakat dalam semua aspek terutamanya dalam soal menerima dan menyebarkan maklumat.

Justeru, budaya *tabayyun* atau 'semak dulu' perlu menjadi prinsip mahasiswa dalam era Revolusi Industri 4.0 ini. *Tabayyun* merujuk kepada perbuatan menyemak kebenaran atau kesahihan sesuatu perkara. Perbuatan menyemak, menyelidik atau mengenal pasti kebenaran sesuatu berita sebelum dikongsi dan disebarluaskan ini mesti menjadi antara elemen penting dalam pembentukan jati diri mahasiswa di universiti. Golongan ilmuwan tidak akan

sewenang-wenangnya termakan dengan dakyah pihak-pihak tertentu yang berusaha menyebarkan berita palsu atau berbentuk fitnah. Allah s.w.t mengingatkan manusia agar tidak mudah termakan dengan hasutan golongan yang membawa berita palsu.

Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan." (al-Hujurat: 6).

Justeru, ayat tersebut merupakan antara sandaran yang digunakan dalam kaedah penerapan bagi melahirkan golongan pelajar yang cemerlang di UniSZA.

#### **4. UniSZA antara universiti pertama yang melaksanakan pelantikan MPP sebagai Ahli Senat Universiti. Sejauh manakah hak bersuara, kewajaran dan potensi golongan pelajar ini dalam proses meningkatkan pentadbiran dan pengurusan universiti.**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ialah badan tertinggi yang mewakili pelajar universiti, begitu juga di UniSZA. Mereka dipilih oleh rakan pelajar melalui sistem demokrasi iaitu pilihan raya kampus dan dilantik sebagai MPP untuk membawa suara pelajar kepada pengurusan universiti dalam pelbagai aspek pembangunan pelajar. Justeru, kami yakin dan percaya dengan lantikan sebagai Ahli Senat Universiti, pelajar boleh menyuarakan pandangan atau teguran mereka secara langsung apabila sebarang perancangan penambahbaikan atau pemansuhan apa-apa perkara yang berhubung kait dengan mereka.

Pihak universiti memberi peluang kepada pelajar untuk membuat keputusan yang akan memberi kebaikan bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada universiti tanpa ada sebarang campur tangan daripada mana-mana pentadbir universiti.

Pihak universiti juga terutamanya Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) mengambil tanggungjawab yang besar dalam memastikan ahli MPP yang dipilih memahami dengan jelas tentang dasar pembangunan universiti. Kita berharapsupaya mereka terlibat secara aktif dalam menyuarakan pandangan dan idea-idea baharu dalam pentadbiran universiti sejarar dengan kehendak pelajar sebagai nilai tambah bagi kemajuan universiti.

#### **5. Bagaimakah kaedah memperkasakan kesedaran terhadap pelajar tentang keseimbangan kukurikulum dan kokurikulum untuk melahirkan graduan yang holistik?**

Kukurikulum dan kurikulum merupakan dua sistem yang menjana tenaga sumber manusia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pejabat HEPA melalui Pusat Pembangunan Holistik Pelajar sentiasa merancang dan melaksanakan program-program kokurikulum dengan menerapkan elemen kurikulum selain daripada memberi peluang kepada pelajar untuk mengurus sendiri program-program utama universiti bermula daripada perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Seperti yang kita sedia maklum, kokurikulum juga memainkan peranan dan pengaruh sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan individu dan bukan hanya merupakan satu aktiviti bebas atau aktiviti sampungan tanpa memperlihatkan matlamat dan objektif yang nyata.

Dengan usaha yang berterusan, kami di UniSZA membangunkan bakat dan kemahiran insaniah semua pelajar melalui seratus kursus kokurikulum berkredit bersandarkan enam teras utama iaitu Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Sukarelawan, Keusahawanan dan Pembinaan Diri, Sukan, Pasukan Beruniform tanpa Senjata dan Pasukan Beruniform Bersenjata yang ternyata telah membawa banyak kejayaan kepada UniSZA. Antaranya penganjuran pelbagai



program bertaraf kebangsaan dan antarabangsa, serta juga kejayaan merangkul deretan anugerah tokoh siswa peringkat universiti dan kebangsaan. Kami juga sering kali menjadi rujukan utama masyarakat dan rakan universiti lain dalam perkongsian ilmu dan kemahiran serta aktiviti kesukarelawanan.

**6. Menurut pandangan YBhg. Prof., bagaimanakah pelajar boleh mengambil peluang apabila Universiti Awam di Malaysia menjadi sebuah universiti terbuka kepada orang ramai, atau dengan erti kata tiada lagi halangan untuk masyarakat awam memasuki kawasan universiti?**

Seperti yang kita semua sedia maklum, kita sekarang berada dalam era Malaysia Baharu yang menjurus kepada tema perubahan baharu atau boleh dikatakan sebagai pembaharuan. Kerajaan mahu persepsi atau pandangan masyarakat terhadap universiti berubah secara menyeluruh. Oleh sebab itu, kerajaan berhasrat untuk menjadikan universiti itu sebagai medan intelektual terbuka. Ini ditegaskan lagi oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik, yang mahu agar universiti menjadi medan intelektual terbuka. Dalam erti kata lain, universiti berpeluang merealisasikan falsafahnya sebagai medan memperkasakan pemikiran tinggi dan menjadi pusat bagi pembinaan idea terbaik kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Dengan menjadikan UniSZA terbuka kepada masyarakat, para pelajar boleh memainkan peranan dengan mengambil peluang menganjurkan forum-forum ilmiah terbuka. Contohnya, pelajar UniSZA baru-baru ini telah menganjurkan forum politik yang melibatkan tokoh-tokoh politik muda Terengganu. Dalam forum tersebut, wakil-wakil parti politik sama ada daripada kerajaan maupun pembangkang dibenarkan untuk berdiskusi secara intelektual dan melontarkan isu-isu serta dasar-dasar kerajaan untuk dinilai sendiri oleh mahasiswa dan warga universiti, sesuai dengan kancang pergelakan medan ilmu. Perkembangan positif ini merupakan satu perubahan yang besar di negara kita dalam menuju ke arah sebuah negara yang maju dan kehadapan.

Selain itu, Menteri Pendidikan Malaysia juga meraikan usaha semua universiti yang telah mewujudkan Sudut Pidato di kampus masing-masing serta berharap lebih banyak universiti akan menyahut cabaran ini dalam menghidupkan budaya kebebasan bersuara dan autonomi di seluruh Malaysia. UniSZA juga tidak ketinggalan dan telah mengambil langkah mewujudkan sudut-sudut pidato di kolej kediaman. Fakulti-fakulti turut membuka dan memberi peluang mahasiswa berkongsi, meluah serta mencetuskan pendapat dan perasaan mereka terhadap sesuatu isu. Saya berharap kemudahan ini digunakan sebaiknya oleh para pelajar kerana dengan terdapatnya kemudahan sudut-sudut pidato ini, para pelajar mendapat peluang untuk mengasah kemahiran berpidato atau pengucapan awam.

Kemahiran berpidato perlu digilap dan perlu ada dalam diri setiap mahasiswa selain cemerlang dalam pencapaian akademik. Di peringkat IPT, sudut pidato adalah pentas bagi mahasiswa mengasah bakat berucap dan menggalakkan perbincangan intelektual. Mahasiswa bukan sahaja digalakkan untuk berbicara persoalan dalam universiti, tetapi juga mencakupi hal ehwal masyarakat, politik dan sebagainya. Ini kerana mahasiswa mempunyai daya intelektual dan mampu membentuk pemikiran masyarakat dan orang awam amnya. Menerusi galakan dan pewujudan semula sudut pidato ini, sebuah kepimpinan mahasiswa yang mempunyai ideologi tersendiri akan terbentuk sekiranya mahasiswa diberikan hak untuk bersuara. Jika diberi peluang, mereka akan berasa bebas untuk berfikir dan melontarkan idea serta tidak takut untuk menyuarakan pandangan berbeza. Langkah menganjurkan semula Sudut Pidato ini diyakini mampu melahirkan golongan mahasiswa bertanggungjawab serta mencorak kepimpinan cemerlang dalam kalangan mereka.

**7. UniSZA tidak meminggirkan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan membuka ruangnya dengan menerima mereka untuk belajar di UniSZA. Apakah langkah atau usaha yang diambil oleh UniSZA bagi memastikan golongan ini menikmati kemudahan yang selesa untuk memudahkan pergerakan mereka?**

Mahasiswa daripada golongan ini sentiasa diberi keutamaan khususnya berkaitan hal ehwal pelajar dan kebajikan dalam memberi keselesaan kepada golongan istimewa ini. Antara langkah dan usaha yang diambil oleh PTNC (HEPA) UniSZA bagi memastikan golongan ini menikmati kemudahan yang selesa adalah dengan sentiasa mengadakan perjumpaan bersama mahasiswa OKU bagi mengenal pasti permasalahan mereka dalam urusan pembelajaran. Dalam sesi perjumpaan itu, mereka diberi peluang untuk memberi cadangan serta mengutarakan masalah yang mereka hadapi serta keperluan atau bentuk kemudahan yang diperlukan untuk memberi keselesaan kepada mahasiswa agar mereka dapat meneruskan pengajian dengan lebih selesa.

Selain itu, pihak PTNC (HEPA) juga menyediakan kemudahan prasarana mesra OKU seperti kemudahan kolej kediaman yang mesra OKU yang meliputi kemudahan bilik yang selesa kerana berada di aras bawah, kemudahan handrail di dalam rumah dan laluan menuju ke kolej kediaman untuk kegunaan mahasiswa yang berkerusi roda dan yang menghadapi masalah penglihatan. Selain itu, kami juga menyediakan kemudahan tandas, pantry dan ampaian yang mesra OKU serta kedudukan yang berdekatan dengan kafeteria bagi memudahkan mereka untuk membeli makanan. Prasarana lain ialah laluan ramps, tandas OKU, lif, tempat letak kereta OKU dan pengangkutan, kemudahan pembantu OKU berserta eluan RM300 sebulan kepada pembantu mahasiswa OKU yang berkhidmat dengan mahasiswa OKU penglihatan dan berkerusi roda. Selain itu, kemudahan alat sokongan peralatan seperti kerusi roda, alat pendengaran, komputer riba, *eye controller* (alat bantu pelajar menggerakkan tetikus computer dengan hanya menggerakkan matanya)

dan alat-alat lain yang bersesuaian untuk semua kategori OKU. Kami juga menyediakan kemudahan sistem sokongan bagi proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Sistem sokongan ini antaranya dalam bentuk kelonggaran atau fleksibiliti yang diberikan kepada pelajar OKU. Ini termasuklah masa tambahan ketika menduduki peperiksaan serta menjalani peperiksaan di tempat yang berasingan.

Dari segi kemudahan kewangan, kami menyediakan biasiswa wakaf, bantuan yuran pengajian serta wang saku setiap bulan. Bantuan kewangan ini adalah daripada peruntukan dana wakaf dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Selain itu, kami juga menggalakkan mereka menyertai badan-badan sukarelawan serta aktiviti-aktiviti keusahawanan. Barubaru ini pihak KPM telah melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kelainan Upaya. Menerusi garis panduan yang dibangunkan ini, pihak Pengurusan UniSZA telah meluluskan penubuhan Unit Perkhidmatan OKU. Unit ini diwujudkan bagi memastikan matlamat dasar pendidikan inklusif dapat dicapai sepenuhnya, meningkatkan infrastruktur kemudahan-kemudahan OKU serta dapat menghapuskan pengasingan mahasiswa OKU daripada mahasiswa lain dalam mendapatkan pendidikan yang terbaik.

#### **8. Apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan oleh UniSZA untuk golongan yang memerlukan seperti pelajar daripada golongan B40?**

UniSZA sangat menitikberatkan hal ehwal kebajikan mahasiswa. Justeru, PTNC (HEPA) telah menubuhkan Unit Penajaan, Endowmen dan Dana Pelajar bagi menyalarkan urusan-urusan pembiayaan pinjaman pelajaran dan hal-hal kebajikan pelajar. Antara bentuk bantuan yang telah disalurkan oleh UniSZA untuk golongan yang memerlukan seperti pelajar daripada golongan B40 adalah biasiswa wakaf UniSZA. Biasiswa wakaf ini ditawarkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan yang mencatatkan pencapaian akademik cemerlang. Ia meliputi yuran pengajian dan wang saku sebanyak RM600 sebulan. Sumber agihan biasiswa ini daripada dana wakaf.

Seterusnya, kami menyediakan bantuan pinjaman komputer riba. Bantuan ini ditawarkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan setakat ini seramai 25 orang penerima bantuan ini adalah di bawah golongan pelajar B40. Kami juga menyediakan bantuan zakat yang dibuka dua kali setahun bergantung kepada sumber dana zakat yang diterima daripada badan-badan korporat.

Merujuk kepada data dalam tahun 2019 ini, kita telah mengagihkan bantuan zakat kepada 1,312 orang pelajar yang layak. Mereka ini dipilih berdasarkan saringan maklumat dan melepas temu duga yang dijalankan oleh panel-panel penilai zakat UniSZA yang terdiri daripada pegawai-pegawai HEPA dan Pejabat Wakaf dan Endowmen. Seterusnya, kami juga menyediakan bantuan yuran dan wang saku kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Bantuan ini ditawarkan kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan kritikal dan biasiswa/pinjaman yang ditanah oleh pihak penaja.

Selain itu, bantuan makanan percuma yang dipanggil ‘Gerobok Jariah’ turut dianjurkan. Gerobok khas ini ditempatkan di setiap Kampus iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Besut. Pihak PTNC (HEPA) memperuntukkan sebanyak RM5,000 sebulan untuk ketiga-tiga kampus berkenaan. Di samping itu, inisiatif daripada Timbalan Dekan HEPA fakulti juga mengadakan program makanan percuma kepada pelajar yang kurang berkemampuan di setiap fakulti.

Seterusnya, kami juga telah melaksanakan Program *Food Bank Siswa* iaitu program yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertujuan meringankan beban kos sara hidup mahasiswa terutama sekali golongan kurang berkemampuan atau kumpulan B40 ini. Antara rakan strategik yang bekerjasama membantu menghulurkan bantuan kepada mahasiswa UniSZA adalah Primula Beach Hotel, Permai Hotel, Pasaraya XIRI, Hotel PB Square dan Kedai Roti Harold Breads. Kesemua rakan strategik ini terlibat dalam sumbangan makanan percuma kepada mahasiswa UniSZA terutamanya golongan B40.

Kami turut menyediakan bantuan kewangan kritikal bagi pelajar yang mempunyai masalah kewangan seperti kes-kes kecemasan, tiada sumber kewangan untuk makan dan sebagainya. Bantuan-bantuan lain juga adalah seperti bantuan pembiayaan pelajar yang masuk wad hospital, pembiayaan kos pembedahan, kes-kes biasa sehingga penyakit teruk, menyediakan dana makan dan minum sebanyak RM500 satu semester, bantuan bencana, membayar pampasan bagi kemalangan dan kematian serta pengebumian pelajar, khairat kematian pelajar, bantuan alat pembelajaran, bantuan tambang perjalanan kematian ibu/bapa dan penjaga. Semua permohonan akan diproses dan pihak kami berusaha memberikan kemudahan kebajikan terbaik untuk meringankan beban pelajar.

#### **9. Mungkin YBhg. Prof. boleh ceritakan apakah fungsi alumni dan keperluan kepada universiti dan seterusnya mungkin boleh YBhg. Prof. kongsikan bersama adakah terdapat alumni-alumni UniSZA yang secara umumnya telah mengharumkan nama universiti?**

Fungsi alumni amnya terdapat dalam dua bentuk iaitu; alumni kepada Alma Mater dan alumni sesama alumni. Antara fungsi alumni kepada Alma Mater adalah: (1) membantu UniSZA dari sudut reka bentuk kurikulum. Alumni yang bertugas di universiti boleh menyumbang dari sudut kepakaran keilmuan mereka, manakala alumni yang bertugas di industri boleh memberi input keperluan industri untuk diserapkan dalam kurikulum. Mereka juga boleh dilantik sebagai

Profesor Pelawat dan Profesor Adjung; (2) membantu UniSZA dari sudut penyelidikan dengan menyumbang dana dalam jumlah tertentu dan mengkomersialkan hasil penyelidikan pensyarah UniSZA; (3) membantu dari sudut penajan dan sumbangan kewangan. Sebagai contoh bagi pembelian buku rujukan, kemudahan ICT, kemudahan ruang pelajar dan seumpamanya; (4) menaja pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan seperti tajaan pendidikan, penginapan, peralatan pembelajaran dan seumpamanya; dan (5) menggunakan kepakaran yang ada pada mereka untuk membangunkan potensi mahasiswa semasa dari sudut kepimpinan, kesediaan berkerjaya dan seumpamanya.

Manakala fungsi alumni sesama alumni adalah: (1) mewujudkan kerjasama sekiranya mereka ditimpa musibah; dan (2) jaringan yang wujud sesama mereka membolehkan mereka bekerjasama dalam memajukan karier masing-masing. Contohnya adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Sumbangan
1.	Tuan Haji Ahmad Shukri bin Yusoff Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) PPZ-MAIWP	Lembaga Pengarah UniSZA
2.	Tuan Haji Mohd Sahar Haji Din Pengarah Urusan Bukatan Mekar Sdn Bhd	Presiden Persatuan Alumni UniSZA
3.	Dato' Shakir Husein Kalid Managing Director Shamawar Group of Company	Ahli Lembaga Pengarah UniSZA Holding
4.	Dato' Suhaimi bin Hashim CEO/Presiden Platinum Oil & Gas Sdn Bhd	Profesor Adjung Fakulti Perniagaan & pengurusan
5.	Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee Pengarah Bhagian Hab Halal JAKIM	Profesor Adjung Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
6.	Dr. Chua Kim Aik CEO Green World Genetics Sdn Bhd	CeO @ Faculty Programme FBIM
7.	Prof. Madya Dr. Haji Abd Rauf bin Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari Universiti Putra Malaysia	Penasihat Akademik Program Pengajian Al-Quran FKI

**10. Dalam konteks Alumni UniSZA, apakah kekuatannya yang boleh dijadikan sandaran kepada universiti ini untuk mengorak langkah lebih jauh dalam pelbagai bidang sehingga mampu mengharumkan nama universiti sehingga ke peringkat antarabangsa.**

UniSZA (KUSZA dan UDM) akan berusia 40 tahun pada tahun 2020. Dalam usia ini, UniSZA mempunyai alumni melebihi 36,000 orang. Sebahagian besar dalam kalangan mereka telah berada di posisi yang baik sama ada dari sudut sosial, kerjaya maupun perniagaan. Posisi ini membolehkan mereka menyumbang kelebihan yang ada pada mereka untuk membangunkan UniSZA secara bersepadu. Selain itu, UniSZA juga membuka ruang yang cukup luas untuk mereka berfungsi di dalam kampus ini. Insya Allah kita merancang untuk membina Rumah Alumni untuk dijadikan tempat berinteraksi antara alumni sesama alumni ataupun alumni bersama warga UniSZA.

**11. Menurut pandangan YBhg. Prof., apakah paksi utama yang boleh membentuk pelajar universiti sebagai pelajar yang serba boleh dan mampu meneruskan survival kehidupan mereka apabila tamat pengajian nanti?**

Bercakap mengenai Revolusi Industri 4.0 yang melibatkan benda-benda yang bersifat bukan kemanusiaan iaitu internet, data yang besar dan mesin dan sebagainya, maka bagi membina pelajar yang serba boleh ini, kita perlu seimbangkan mereka. Maksudnya selain daripada melengkapkan kemahiran tersebut supaya seiring dengan arus, kita tidak boleh tinggalkan beberapa perkara agar mereka tidak hanya menjadi robot. Perkara-perkara tersebut bagi saya adalah elemen-elemen konservatif/tradisional yang perlu dipegang dan dikekalkan iaitu: (1) adab - ia perlu berguru dan tidak boleh dipelajari melalui internet/komputer sahaja; (2) nilai-nilai patriotik - biarpun sekarang dunia tanpa sempadan/had; dan (3) bersifat manusawi iaitu ada nilai kemanusiaan/empati yang tinggi. Inilah yang ingin diterapkan dan menjadi tonggak HEPA agar dapat membezakan pelajar UniSZA dengan pelajar dari universiti yang lain.

**12. Akhirnya apakah YBhg. Prof ingin lakukan sebagai perancangan masa depan dan apakah pembaharuan yang sedang dan akan dibuat oleh universiti untuk meningkatkan kecemerlangan HEPA dan alumni?**

Ya, bagi kecemerlangan ini, seperti yang telah diperkatakan sebelumnya iaitu memperkasakan pelajar dan staf HEPA serentak. Mereka bukan sahaja perlu bertanggungjawab kepada mana-mana tugas yang diserahkan tetapi mereka juga perlu ada rasa kebertanggungjawaban atas apa-apa yang telah mereka kerjakan. Mereka perlu diberi kuasa untuk membuat keputusan dan bertanggungjawab atas keputusan yang dilakukan itu.

Selain itu, alumni juga memainkan peranan yang penting. Bagaimana caranya agar kita boleh menarik alumni untuk menyumbang semula kepada universiti? Sebenarnya, ramai alumni yang ingin menyumbang semula kepada universiti. Ini tidak hanya terhad kepada sumbangan material, tetapi kita lebih menekankan dan mengalukan biarpun sumbangan itu dari sudut *intangible* seperti masa, tenaga, dan buah fikiran mereka. Itu lebih bermakna misalnya seperti wakaf masa, wakaf tenaga dan wakaf buah fikiran lebih tidak ternilai dan lebih menjayakan serta amat kita alu-alukan. Kita ingin berbalik kepada konsep bergotong royong.

Harapan saya yang terbesar ialah semua persatuan atau para pelajar kita tidak kira sama ada mereka terdiri daripada golongan B40, anak yatim atau sebagainya bergerak dan mendapat pendedahan secara global. Kita perlu memberikan galakan kepada mereka untuk melakukan aktiviti dan pergi ke luar negara sekurang-kurangnya sekali sepanjang pengajian agar pendedahan itu dapat dimanfaatkan. Alhamdulillah, universiti memberi bajet sebanyak RM300,000 untuk program mobiliti tak berkredit. Maka, saya menekankan kepada Timbalan Dekan HEPA bagi setiap fakulti untuk menggalakkan pelajar mereka untuk merebut peluang ini.

Langkah-langkah yang telah dibuat bagi menjurus kepada pencapaian ini adalah dengan menyediakan bajet. Kita beruntung kerana telah mendapat sokongan dari pihak universiti. Sebagaimana yang telah saya nyatakan sebelum ini, kita diberi dana yang agak besar juga bagi program-program mobiliti ini.

Yang keduanya, pergi ke luar negara bukan untuk berjalan sahaja, tetapi semaikan kesukarelawan di peringkat antarabangsa. Contohnya, saya telah meminta Fakulti Kontemporari Islam untuk pergi ke Christchurch, New Zealand, lokasi berlakunya peristiwa tembak-menembak di masjid tempoh hari. Di samping menjalankan program di sana, kita minta mereka membuat kerja-kerja amal. Di sini, kita boleh mempamerkan keistimewaan sebagai Islam iaitu orang Islam di mana-mana pun, amat meraikan mangsa-mangsa yang terabit dan suka kepada kedamaian. Kerja-kerja amal boleh dilakukan tanpa memilih agama dan budaya dan kita boleh salurkan manfaat ini kepada masyarakat setempat selain daripada melakukan promosi kepada universiti secara khususnya dan secara tak langsung kepada Islam. Begitu juga dengan Fakulti Perubatan yang ke Papua New Guinea. Di samping melakukan kerja-kerja amal berkaitan perubatan, mereka juga boleh melaksanakan kerja-kerja dakwah. Pelajar kita juga boleh mendapat pendedahan bagaimana sebuah negara yang baharu merdeka '*is moving forward*'. Ini adalah pengalaman yang tidak ternilai kerana pelajar kita adalah mereka yang lahir setelah negara kita telah merdeka. Mereka tidak mengalami kesusahan sebelum merdeka. Maka ini dapat memberi kesedaran dan dapat menyerlahkan cara untuk menghargai erti kemerdekaan itu dengan erti kata yang sebenarnya.

# Contingency Theory

## of Governmental Accounting Innovations in the Era of IR4.0

Hamdy Abdullah, CA (M), PhD  
[hamdy@unisza.edu.my](mailto:hamdy@unisza.edu.my)

Innovation can result in continuous development and sustainability helping to gain and conserve competitive advantage in the era of Industrial Revolution 4.0 (IR4.0). Nevertheless, with such a central position of innovation in organisational success, the subject of innovation management in the public sector is a reasonably new one. Unlike the private sector, public sector accounting is a distinctive and significant focus which has not gained considerable attention by researchers. Studies conducted on the sector are commonly descriptive and aim at improving the organizational effectiveness and efficiency. Prior to the year 2000, applications of theories are found to be scarce in the public sector accounting field. Currently, researchers in this area adopt a combination of theories to explain and understand reporting behaviour. The main reason is due to the lack of a combining theory that can comprehensively explain all the influences and elucidate disclosure patterns. Even though this is still considered a new discipline, given how the capability of public universities to innovate may not be entirely described by established theories, innovation management could be elucidated by contingency theory of governmental accounting innovation (CTGAI). This article aims to briefly elaborate the theory based on the work of Luder (1992) which is relevant in the era of IR4.0.

Generally, a contingency theory is an organisational theory that posits that there is no best approach to organise a corporation, to lead a company, or to make decisions. Instead, the optimal development of action is dependent upon the internal as well as external state of affairs. CTGAI is typically used when investigating the evolution from old-fashioned government accounting to a more informative system. A more informative system accomplishes two major tasks: It supplies comprehensive and reliable information on public financial matters, and it provides a foundation for enhanced financial control of government undertakings. The evolution assumes a specific starting and final points for the public sector accounting system. Therefore, CTGAI is to explain the innovation process that connects these two points. A conceptual overview may be provided to elucidate the innovation process as entirely as possible. The CTGAI seeks to integrate ideas from the literature, along with observations made about the accounting systems from other nation states. In the innovation process, Luder (1992) identifies three types of contextual variables namely; stimuli, structural variables and implementation barriers. Firstly, stimuli are events that happen at the initial phase of the innovation process and produce a need for improved information to cater to the needs of users of accounting information and raise the organizational readiness to provide such information. Secondly, structural variables are characteristics of the social and politico-administrative systems that affect the basic attitudes of users and producers of information towards the idea of a more informative system of public sector accounting. Finally, implementation barriers are environmental circumstances that impede the implementation, thus encumbering, and in extreme cases preventing, the establishment of a more informative accounting system which is in principle desirable. Their hypothesised interactions are described in Figure 1; the arrows show the direction of postulated impact of the situational variables on the attitudes and behaviour of the participants in the process and its outcome.

To conclude, CTGAI is widely used by many scholars to support their study and has established its usefulness in understanding and explaining issues concerning accounting in public universities. The emergent inclinations in public sector study which outspread the power of research conclusions from descriptive to theory supporting or building will result in more theories and models being established and presented in the future. Consequently, this may contribute to greater attention in the public sector investigation and therefore hopefully better efficiency as well as effectiveness of the public universities.




Figure 1 - Contingency Model of Governmental Accounting Innovations

Source Luder (1992)

## Reference

Luder, K. 1992. A Contingency Model of Governmental Accounting Innovations in the Political Administrative Environment. *Research in Governmental and Non-Profit Accounting*, 10: 99-127.

# Hospital Pengajar UniSZA

## di Ambang Realiti

**K**emudahan Hospital Pengajar UniSZA (HPUniSZA) bernilai RM600 juta yang sedang dalam pembinaan di UniSZA Kampus Gong Badak berupaya memberi manfaat dan impak positif kepada ekonomi masyarakat Terengganu amnya dan Kuala Nerus khususnya. Kedudukan fizikal yang strategik dikelilingi taman-taman perumahan, Universiti Malaysia Terengganu dan kawasan perindustrian Gong Badak, amat memerlukan kemudahan kesihatan dan perubatan yang dekat dengan masyarakat.

Penubuhan HPUniSZA ini adalah keputusan terbaik berdasarkan *feasibility study* iaitu tiada lagi hospital di Kuala Nerus pada masa ini bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang semakin bertambah. Hospital yang terdekat ialah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di daerah Kuala Terengganu yang berkapasiti 1,222 buah katil. Selain daripada HSNZ, terdapat dua buah hospital swasta iaitu *Kuala Terengganu Specialist Hospital* (KTS) yang berkapasiti 130 buah katil dan *Salam Specialist Hospital* (SALAM) yang berkapasiti 250 buah katil.



Sehingga kini kemajuan fizikal HPUniSZA adalah 54.41 peratus dan perancangan pengambilan tenaga kerja bagi HPUniSZA adalah secara berperingkat mengikut perkhidmatan yang akan disediakan. Pengambilan tenaga kerja dalam bidang klinikal, sokongan klinikal dan pengurusan, mensasarkan golongan profesional yang berpengalaman dan mengalu-alukan para graduan lulusan universiti dan kolej dari tempatan dan luar negara. Perkara ini juga dilihat sebagai inisiatif untuk membuka ruang pekerjaan kepada orang ramai yang ingin mengembangkan kerjaya dalam bidang perubatan dan pengurusan.

Jangkaan bilangan katil bagi HPUniSZA adalah sebanyak 400 buah mengikut fasa iaitu fasa satu sebanyak 200 buah dan diikuti fasa kedua sebanyak 200 buah. Jenis perkhidmatan yang akan disediakan merangkumi pelbagai disiplin dan nic seperti; kepelbagai disiplin (Perubatan Dalaman, Pembedahan Am, Obstektrik dan Ginekologi, Pediatrik, Ophthalmology, Otorhinolaryngology, Community Psychiatry dan Rehabilitasi); *specilised services* atau *niche* (*Hyperbaric Medicine*); Perkhidmatan *Imaging Diagnostic* (CT Scan, MRI, Ultrasound dan X-Ray); Forensik/Mortuari dan Perkhidmatan Makmal Diagnostik (*Pathology Lab*).

HPUniSZA dibina secara mesra ibadah. Pengurusan HPUniSZA komited untuk menyediakan perkhidmatan patuh syariah secara fizikal bagi memudah dan memperkasakan perkhidmatan tersebut. Justeru, persediaan secara sistematis sangat penting kerana setiap perubahan dan transformasi yang dibuat tidak berlaku dalam tempoh masa yang singkat. Pada masa ini, pengurusan HPUniSZA telah mula mengorak langkah ke arah persediaan untuk pengiktirafan dan pensijilan hospital patuh syariah. Antara perancangan ke arah pengiktirafan itu termasuklah dari aspek fizikal (surau, kelengkapan bahan beribadah, bilik air berasingan dan wad berasingan atau berbilik). Seterusnya terdapat juga polisi yang merangkumi pakaian menutup aurat dan pengurusan kewangan Islamik.

HPUniSZA juga menerapkan elemen taman penyembuhan berorientasikan alam dan taman wangian. Seseorang pesakit akan merasai pengalaman yang hebat apabila menerima perkhidmatan yang efektif dan baik. Taman penyembuhan atau *healing garden* bertujuan meringan, memberi nilai tambah dan mengurangkan tekanan semasa menerima rawatan. Ia menyediakan tempat perlindungan dan menggalakkan penyembuhan kepada pesakit, keluarga dan kakitangan dalam persekitaran hospital. Manfaat ini juga dinikmati oleh staf yang bekerja kerana ia dapat mengurangkan tekanan sama ada di tempat kerja, di jalanan atau di rumah. Taman penyembuhan ini merangkumi kelima-lima deria iaitu penglihatan, pendengaran, rasa, sentuhan dan bau. Dengan reka bentuk yang bersesuaian, penyembuhan dapat dicipta menerusi gabungan alam semula jadi (*softscape*) dan alam buatan (*hardscape*).

Selain itu, ciri-ciri lukisan *facade* HPUniSZA dan rasional warna yang diterapkan merupakan manifestasi terhadap pemaknaan tertentu. Hitam, melambangkan keteguhan dan ketegasan; putih pula melambangkan kesucian, bersih, jujur dan tulus. Kedua-dua warna hitam dan putih ini juga merupakan warna rasmi negeri Terengganu. Bagi warna kuning, ia melambangkan kemuliaan, kemegahan dan kebijaksanaan; diikuti warna kelabu yang mencerminkan keseimbangan. Simbolisme yang dizahirkan seperti songket menerapkan nilai-nilai asli Melayu negeri Terengganu. Begitu juga bentuk rehal yang melambangkan ilmu al-Quran yang sentiasa dijunjung, menjadi pegangan dan budaya masyarakat UniSZA, manakala geometrik Islam pula merupakan kesinambungan daripada logo KUSZA dan diolah dengan corak moden seni bina Islam.

# Kerjasama FBIM dan IADA KETARA Berupaya Memperkasa Sektor Pertanian Negara

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), UniSZA telah mengadakan satu rundingan meja bulat bersama pihak IADA KETARA bagi merintis kerjasama penyelidikan dalam sektor pertanian di kawasan pantai timur Terengganu. Rundingan tersebut telah diadakan pada 22 Julai di Kompleks Pejabat IADA KETARA, Besut, Terengganu. Rombongan dari FBIM telah diketuai oleh Ketua Pusat Sains Pertanian dan Bioteknologi, Dr. Salmah Mohamed. Rombongan ini turut disertai oleh Dr. Abdul Jamil Zakaria, Dr. Norhayati Ngah, Prof. Madya Dr. Nalini Arumugam, Dr. Nornasuhu Yusoff dan En. Mohamad Hailmi Sajili.

IADA KETARA merupakan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang melaksanakan pembangunan di kawasan Jelapang Padi, Besut. Organisasi ini berperanan melaksanakan Dasar Pertanian Negara ke-3 khusus dalam membangunkan industri padi. Keseluruhan projek di dibawah IADA KETARA meliputi seluas 208,212 hektar tanah sawah merangkumi daerah Besut (122,831 hektar) dan daerah Setiu (85,381.70 hektar).

Hasil daripada perbincangan yang telah diadakan, pihak FBIM dan IADA KETARA telah bersetuju untuk menjalankan kerjasama dalam menyelesaikan beberapa isu berkaitan industri padi nasional seperti menjalankan kajian untuk meningkatkan tahap kesuburan tanah sawah, penyelidikan untuk mempertingkatkan kawalan perosak dan penyakit padi, menjalankan pemindahan teknologi terkini membabitkan mekanisasi pertanian, dan menjalankan kajian untuk penjanaan hasil sampingan dalam meningkatkan taraf hidup petani. Hasil daripada kerjasama antara kedua-dua organisasi ini dijangka akan memberi manfaat kepada penanam padi di kawasan IADA-KETARA khasnya dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi.



# KIK UniSZA RANGKUL PENARAFAN EMAS



**K**onvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2019

peringkat Universiti Awam (UA) telah diadakan di Universiti Teknikal Malaysia (UteM), Melaka pada 19-21 Ogos. UniSZA telah menghantar dua kumpulan untuk bertanding iaitu Meditech dan Eduvolusi.

Kumpulan Meditech merupakan gabungan ahli dari pelbagai fakulti dan jabatan termasuklah Fakulti Sains Kesihatan (FSK). Manakala, Eduvolusi adalah wakil tunggal dari Fakulti Perubatan. Dua orang staf Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi (PPSR), FSK telah menyertai kumpulan Meditech iaitu Dr. Naresh Bhaskar Raj dan Puan Norzulaika Alias.

Selain UniSZA, Konvensyen KIK 2019 juga disertai oleh Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan beberapa universiti lain. Konvensyen ini menjadi platform kepada UA untuk memperkenalkan produk mereka sama ada teknikal ataupun pengurusan.

Secara keseluruhan, sebanyak 23 kumpulan pengurusan dan 13 kumpulan teknikal menyertai KIK kali ini. Meditech mempertaruhkan produk ‘Smart Porter’ iaitu alat yang digunakan oleh staf perubatan di Unit Hemodialisis (HDU), UniSZA. Alat ini dicipta untuk mengurangkan sakit belakang dalam kalangan staf HDU ketika mengangkat pesakit untuk menjalani rawatan. Selain itu, alat ini dapat dihasilkan dengan harga yang berpatutan berbanding yang ada di pasaran.

Meditech berjaya merangkul tempat ketiga untuk kategori teknikal. Mereka membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000 dan piala pusingan. Selain itu, kumpulan Meditech juga memperoleh penarafan emas. Penarafan emas ini penting dalam memartabatkan nama UniSZA agar sebaris dengan universiti-universiti awam yang lain di peringkat nasional dan global.

Kumpulan Eduvolusi juga mendapat penarafan emas dalam pertandingan ini. Pertandingan KIK pada kali telah diadili oleh wakil-wakil dari *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) dan pemain industri seperti PROTON dan *Malaysian Refining Company*.



# Pelajar Asasi UniSZA

## Raih Emas, Perak dan Gangsa dalam Pertandingan ICTex 2019

Seramai sembilan orang pelajar dari program Asasi Sains dan Perubatan UniSZA meraih pingat emas, perak dan gangsa dalam Pertandingan dan Pameran Rekacipta dan Inovasi Terengganu 2019 (ICTex2019). ICTex2019 merupakan pertandingan inovasi yang terbuka kepada pelajar dan pensyarah dari sekolah dan institusi pengajian tinggi di seluruh Terengganu. Sembilan pelajar tersebut mewakili tiga kumpulan penyelidikan yang mempertandingkan tiga produk inovasi pada 4-5 Julai yang lalu di Universiti Malaysia Terengganu.

Prof. Madya Dr. Salwani Ismail, Pengarah PUSPA, berkata “Pingat emas yang diraih ialah produk *Portable Plastic Bottle Vacuum Cleaner*, sementara pingat perak pula ialah *Oil Fertilizer* dan pingat gangsa bagi produk *Magnifying Solar Cooker*. Penyertaan ini amat penting untuk mencungkil bakat muda yang berpotensi dalam bidang reka cipta dan inovasi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi”.

Produk emas *Portable Plastic Bottle Vacuum Cleaner* merupakan penyedut hampagas yang diperbuat daripada botol plastik terpakai dengan kos yang murah. Wakil pelajar produk tersebut, Amirul Haikal berkata mereka mengambil masa selama dua minggu dengan kos sebanyak RM100 untuk menyiapkan inovasi tersebut.



# UniSZA dan YDSM

## *Tandatangani MoU Bantu Pelajar Golongan B40 Menyambung Pengajian di UniSZA*

UniSZA, melalui Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Hassan Basri telah mengambil inisiatif untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Yayasan Diraja Sultan Mizan. Melalui MoU ini, seramai 72 pelajar daripada golongan berpendapatan rendah (B40) telah diterima masuk untuk menyambung pengajian ke UniSZA menerusi bantuan Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM).

Menurut Naib Canselor, inisiatif tersebut turut mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi termasuk Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Yayasan Terengganu dan Jabatan Kebajikan Malaysia. "Kami amat berharap agar peluang kedua ini dihargai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang terpilih agar dapat mengubah nasib keluarga pada masa akan datang. Inilah keistimewaan sistem pendidikan negara kita iaitu tiada siapa pun dinafikan hak untuk mendapat pendidikan yang sempurna, malah terus dibantu agar mampu berdikari seterusnya mencapai kecemerlangan," katanya pada Majlis Pendaftaran Kemasukan 30 Pelajar YDSM Peringkat Ijazah Sarjana Muda ke UniSZA.

Sementara itu, Ahli Lembaga YDSM, Datuk Mohd Fadzli Yusof berkata, "Pelajar ini masuk ke UniSZA menerusi kuota YDSM selepas kita mengenal pasti pelajar yang menepati syarat tetapi gagal dalam permohonan melanjutkan pengajian. YDSM akan memantau mereka dan jika mereka memerlukan bantuan terutama kewangan sepanjang pengajian, kita bersedia membantu. Pada peringkat awal ini, kita memberi sumbangan *one-off* RM300, selain barang keperluan bernilai RM150," katanya. Jumlah bantuan keseluruhan adalah RM2,450 dan disumbangkan oleh YDSM, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu serta Yayasan Terengganu.

Kedua-dua institusi mengharapkan agar para pelajar yang terpilih itu dapat dapat memperbaiki cara belajar, di samping meningkatkan kesungguhan dan usaha untuk menguasai ilmu yang dipelajari serta mendapat kelas pertama dalam pengijazahan nanti.





**Muhammad Akid Akram,  
Sarjana Muda Antropologi Dan Dakwah, Fakulti Sains Sosial Gunaan**

"Biasiswa yang diberikan oleh YDSM mencukupi untuk saya sepanjang belajar di UniSZA. Rezeki yang tidak disangka ini, akan saya manfaatkan dengan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang baik setiap semester."

**Mohamad Adib Lokman,  
Sarjana Muda Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan**

"Saya tidak menyangka mendapat biasiswa melalui YDSM ini. Sehari sebelum tarikh lapor diri di UniSZA, saya terima panggilan daripada YDSM. Bantuan yang diberikan ini meringankan perbelanjaan saya sepanjang belajar di sini. Saya tidak akan mensia-siakan bantuan yang diberikan dan akan lakukan yang terbaik untuk diri sendiri, keluarga dan membanggakan UniSZA."



**Siti Nur Zahirah,  
Sarjana Muda Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan**

"Saya agak terkejut pada mulanya apabila menerima panggilan daripada YSDM yang memaklumkan saya terpilih untuk menerima bantuan kerana pada awalnya saya terfikir mungkin scammer kerana saya tidak pernah mengisi apa-apa borang untuk memohon bantuan. Selepas diberi penerangan, saya sangat gembira terpilih untuk menerima bantuan ini dan saya berharap bantuan ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan."



**Wan Amni Atikah,  
Sarjana Muda Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan**

"Biasiswa yang saya peroleh ini sangat membantu perbelanjaan saya semasa peringkat awal memasuki UniSZA. Bukan sahaja saya dibantu dari segi kewangan tetapi juga YDSM memberikan bantuan lain seperti makanan, peralatan penjagaan diri, dan pembelajaran. Dengan bantuan yang diberikan ini, saya akan belajar dengan lebih baik dan berusaha untuk memperoleh kejayaan."

# UniSZA Menandatangi MoU dengan Arkib Negara Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang bersidang pada 20 Februari telah meluluskan cadangan menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Arkib Negara Malaysia bagi menjalankan kerjasama penyelidikan dan perkongsian kepakaran dalam bidang pendigitalan manuskrip lama. Ia sejajar dengan hasrat UniSZA untuk menjaga dan mengkaji lebih 4,000 naskhah manuskrip lama. Manuskrip lama yang berusia lebih dari seribu tahun itu cukup bernilai untuk dijaga dengan cara mendigitasikan (*digitising*) menggunakan peralatan moden agar manuskrip berkenaan kekal dalam bentuk digital. Manuskrip yang telah melalui proses tersebut akan diletakkan di Perpustakaan UniSZA. Ia akan menjadi pangkalan data digital katalog dokumen rasmi berkaitan sejarah Alam Melayu dan Islam.



Sehubungan dengan itu, INSPIRE dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA telah menganjurkan Majlis Menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Arkib Negara Malaysia sebagai salah satu usaha untuk merealisasikan hasrat ini. Majlis ini telah berlangsung di Atrium Perpustakaan UniSZA pada 14 Julai yang lalu. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Datuk Azem Abdul Aziz. Majlis ini berlangsung selama dua jam dengan disaksikan oleh seramai lebih 60 orang hadirin termasuk Pengurusan Tertinggi, kakitangan dan pelajar UniSZA. Turut hadir ialah wakil dari Muzium Negeri Terengganu dan Arkib Negara Malaysia.

MoU ini berupaya mengukuhkan kerjasama antara UniSZA dengan agensi-agensi luar seperti Arkib Negara Malaysia dalam memartabatkan nilai manuskrip lama. MoU ini juga adalah untuk memartabatkan kepakaran tenaga pengajar dan penyelidik dalam bidang kajian manuskrip yang berada di UniSZA. Di samping itu, ia juga akan mengukuhkan UniSZA sebagai sebuah universiti yang memfokuskan kepada nic ilmu Islam yang berintegrasi dengan evolusi ilmu moden yang sangat relevan pada masa kini. Ia sejajar dengan hasrat UniSZA bagi memastikan ilmu daripada manuskrip ini dapat dimanfaatkan oleh semua yang dibantu oleh perkembangan industri teknologi (IR 4.0). Selain itu, majlis ini akan menjadi satu medium untuk mempromosikan dan menaikkan nama UniSZA sebagai penggiat dalam memartabatkan manuskrip lama.

Dengan termeterainya MoU ini, INSPIRE selaku pelaksana dan sekretariat bagi pihak UniSZA telah berbincang dengan pihak Arkib Negara Malaysia dan bersetuju untuk membeli Manuskrip Digital Malcolm Macdonald dari Durham University, United Kingdom dengan anggaran kos sebanyak GBP6,195.00. Pembelian Manuskrip Digital Malcolm Macdonald yang dicadangkan ini akan memberi manfaat kepada semua hasil penubuhan Pusat Kajian Manuskrip secara dalam talian yang bertindak sebagai pusat dan tempat rujukan kajian manuskrip Islam yang terbesar di Asia Tenggara. Evolusi ilmu yang diperoleh secara dalam talian yang boleh diakses tanpa had masa, jarak dan tempat turut menjadikan projek pengumpulan dan pendigitalan manuskrip ini amat relevan dalam perkembangan dan peredaran ilmu semasa.

Majlis ini turut memuatkan beberapa acara yang lain seperti Demonstrasi Pemuliharaan Manuskrip, Pameran Tiga Abad Islam di Terengganu dan jualan buku. Melalui pameran ini, para hadirin didekahkan secara ringkas tentang sejarah awal pemerintahan Islam di Terengganu sehingga kepada perkembangannya daripada pelbagai sudut seperti politik, ekonomi, agama, pendidikan, budaya dan sebagainya. Cabaran yang datang daripada pelbagai sudut ini ternyata perlu ditangani dengan berkesan dan bijak agar kita dapat memanfaatkan kekuatan warisan silam dan tidak mengulangi kesilapan.



# UniSZA Terima Kemasukan Pelajar DIPLOMA PENDIDIKAN LEPASAN IJAZAH

Program Diploma Pendidikan Ijazah (DPLI) UniSZA terus mendapat sambutan menggalakkan dari kalangan mereka yang berminat untuk menjadi pendidik. Seramai lebih 400 orang calon telah mengisi borang permohonan secara dalam talian bagi mengikuti program ini. Para pemohon yang melepas saringan awal, perlu menduduki ujian *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEDSI) dan temuduga yang telah dilaksanakan pada awal bulan September yang lalu. Hasilnya, hanya seramai 60 orang pelajar telah terpilih dan mereka telah mendaftar pada 14 September di Dewan Senat UniSZA Kampus Gong Badak. Sesi pendaftaran kemudiannya disusuli dengan perasmian program oleh Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penjanjana



Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri, Dr. Ts. Mohd Adzim Khalili Rohin. Dalam ucapan aluan beliau, Dr. Adzim menyeru semua pelajar supaya menghargai peluang yang diberikan dengan mendalami ilmu-ilmu pendidikan sepanjang tempoh pengajian mereka. Beliau juga meminta para ibu bapa serta keluarga pelajar yang turut hadir dalam majlis tersebut supaya memahami dan menyokong usaha pelajar-pelajar sehingga mereka berjaya. Salah seorang pelajar baharu DPLI, Aqilah Alias ketika ditemui menyatakan bahawa beliau sanggup untuk berhenti daripada pengajian peringkat sarjana di sebuah universiti swasta di Kuala Terengganu dan memilih untuk mengikuti program DPLI UniSZA kerana yakin bahawa diploma pendidikan yang akan diperoleh nanti akan membantu beliau menjadi guru yang berkualiti dan layak untuk ditempatkan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sementara itu, pendaftaran pelajar baharu DPLI UniSZA juga telah berlangsung di Pusat Pembelajaran UMCEED Kuala Lumpur melibatkan seramai 40 orang pelajar pada 28 September. Pusat Pembelajaran UMCEED dibuka bagi memenuhi permintaan pelajar-pelajar yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan lain-lain negeri yang berhampiran kerana dalam kalangan pelajar baharu DPLI ada yang merupakan penjawat awam dan swasta yang menyukarkan mereka untuk berulang alik ke UniSZA Gong Badak. Dalam ucapan aluan menyambut pelajar baharu di Kuala Lumpur, Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Prof. Dr Abdul Hakim Abdullah mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang telah terpilih untuk mengikuti program DPLI ini. Mereka telah melalui saringan yang ketat untuk memastikan guru-guru keluaran UniSZA mempunyai kelayakan dan kemahiran yang terbaik sebelum berkhidmat di sekolah-sekolah. Beliau juga menyeru para pelajar DPLI supaya melengkapkan diri dengan kemahiran pengajaran abad 21 (PAK 21) untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggugjawab dengan baik dan berkesan.



Beliau seterusnya menasihatkan pelajar-pelajar supaya bijak mengurus masa m e m a n d a n g k a n pelbagai komitmen dan cabaran akan dihadapi sepanjang tempoh pengajian selama setahun tersebut.

# Kem Sains @ FBIM

UniSZA telah mengadakan Kem Sains pada 13 dan 14 Ogos di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) Kampus Besut. Program ini telah disertai oleh 46 orang peserta yang berumur antara 5-12 tahun. Kebanyakan peserta adalah dari negeri Pantai Timur iaitu 30 peserta dari Terengganu, lima dari Pahang, enam dari Kelantan dan selebihnya dari Selangor. Para peserta dipecahkan kepada sepuluh kumpulan kecil dan aktiviti dijalankan secara berkumpulan dengan dibantu oleh fasilitator yang merupakan staf dan pelajar pasca siswazah FBIM.



Pengisian program adalah berkisar tentang sains dan alam sekitar. Terdapat empat kem pembelajaran berasaskan sains telah dijalankan iaitu '*Microbes Around You*', '*Animal Farm and Lets Grow Plant*' dan '*Pizza and Cup Cake Decoration*'. Kem '*Microbes Around You*' memberi peluang kepada para peserta untuk mengenal pasti kewujudan organisma mikro yang terdapat di alam sekeliling. Mereka diminta untuk mengambil sampel air longkang dan pasir; kemudiannya melihat mikroorganisma yang terdapat di dalam sampel tersebut menggunakan mikroskop. Setiap peserta diberi peluang untuk mencerap mikroorganisma tersebut supaya mereka mengambil berat konsep menjaga kebersihan semasa bermain di luar rumah. Pengetahuan ini sangat penting bagi mendidik kanak-kanak menjaga kebersihan diri seperti membasuh tangan sebelum makan, mandi selepas bermain di luar rumah, dan mengenakan pakaian yang bersih setiap hari.

Semasa kem '*Animal Farm and Lets Grow Plant*', para peserta dibawa melawat taman haiwan yang terletak di Kampus Besut menaiki bas UniSZA. Keterujaan jelas terpancar di wajah kebanyakan peserta kerana ada antara mereka yang tidak mempunyai pengalaman menaiki bas. Semasa di taman haiwan, para peserta diberi kesempatan untuk memberi makan kepada rusa-rusa yang terdapat di sana. Mereka juga dapat melihat burung unta dengan lebih dekat. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk memupuk sifat kasih sayang kepada haiwan dan sifat berani untuk mencuba sesuatu yang baharu. Selepas itu, para peserta dibawa ke Unit Ladang FBIM untuk belajar menanam pokok bunga. Mereka telah diberi pasu, sarung tangan, tanah semai dan keratan pokok bunga Ros Jepun. Para peserta diajar kaedah penanaman, pembajaan dan penyiraman pokok bunga yang betul. Pihak urusetui telah memberi kebenaran kepada para peserta untuk membawa pulang pokok-pokok bunga yang ditanam oleh mereka untuk dihadiahkan kepada ibu bapa apabila program tersebut selesai. Keterujaan dan kegembiraan semasa aktiviti ini jelas terpancar pada wajah kanak-kanak tersebut apabila mereka tidak sabar-sabar untuk pulang dan membantu ibu bapa mereka menghias persekitaran rumah dengan tanaman bunga-bungaan.

Aktiviti yang paling disukai oleh para peserta adalah Kem '*Ice Cream Making*' dan Kem '*Pizza and Cup Cake Decoration*'. Semasa Kem '*Ice Cream Making*', peserta diajar untuk membuat aiskrim menggunakan bahan-bahan yang mudah diperoleh di rumah. Setiap peserta diberikan bahan seperti susu, gula dan ais; dan diminta untuk menghasilkan aiskrim buatan mereka sendiri. Rata-rata peserta berasa sangat teruja dengan aktiviti ini kerana mereka merasakan bahawa proses penghasilan aiskrim adalah sesuatu yang rumit dan hanya boleh dibeli di kedai. Ramai peserta tidak sabar untuk pulang dan mengajar ibu bapa mereka cara membuat aiskrim sendiri. Mereka berkeyakinan bahawa selepas itu mereka tidak lagi perlu meminta wang daripada ibu bapa untuk membeli aiskrim yang mahal di kedai. Untuk Kem '*Pizza and Cup Cake Decoration*' pula, para peserta diberi roti pizza dan kek cawan. Mereka kemudiannya diminta menghias roti pizza dan kek cawan mereka menggunakan bahan-bahan yang disediakan mengikut kreativiti mereka sendiri. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk membina keyakinan diri dalam kalangan peserta dan memberi peluang kepada mereka untuk berfikir secara kreatif.

Secara keseluruhannya, kem sains yang diadakan ini diyakini dapat mengasuh minda dan sahsiah peserta ke arah yang lebih baik sesuai dengan misi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan insan yang berkebolehan, berketerampilan dan holistik. Penaung untuk program ini iaitu Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd memberi jaminan bahawa FBIM akan mengadakan Kem Sains pada setiap cuti penggal persekolahan bagi memberi peluang kepada kanak-kanak merasai kaedah pembelajaran sains di universiti seterusnya memupuk semangat sukakan sains. Beliau juga memaklumkan bahawa banyak lagi aktiviti berteraskan sains yang akan dilaksanakan semasa kem sains yang akan datang bagi memastikan kandungan program adalah menarik, interaktif dan mampu membentuk insaniah peserta.

# KEM SAINTIS ULUL ALBAB 2019

Generasi di alaf baharu kini hidup dalam arus kemajuan sains dan teknologi serta ledakan maklumat yang berpunca daripada aplikasi ilmu sains dan kajian saintifik terhadap alam semesta. Malangnya, generasi baharu ini hanya tahu menggunakan alat teknologi tanpa menghayati kejadian alam fizikal dan kuasa penciptanya. Justeru, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) UniSZA mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kem Saintis Ulul Albab dalam usaha untuk melahirkan generasi baharu yang berupaya untuk menghayati kejadian alam dan mengaitkannya dengan kewujudan dan kekuasaan Tuhan melalui pendekatan al-Quran dan saintifik. Hasil kerjasama daripada Majlis Dakwah Negara Terengganu dan Pusat Pengajaran Teras, UniSZA, kem ini telah dianjurkan pada 1-3 Ogos. Program yang diadakan di Kem Ko-kurikulum UniSZA, Merang Setiu ini merupakan program tahunan INSPIRE.

Tujuan utama kem ini diadakan adalah untuk memberikan latihan bersistematis kepada pelajar dalam mengintegrasikan ilmu wahyu yang difahami daripada ayat al-Quran dengan ilmu aqli yang dikaji daripada tanda kejadian alam semesta. Projek ini juga berteraskan pendidikan bersepadu Islam yang bermatlamat untuk membentuk sahsiah bersepadu Islam. Objektif penganjuran program ini adalah bagi menyedarkan peserta dan fasilitator tentang misi khusus setiap insan sebagai khalifah untuk mengurus alam dan manusia. Program ini juga dapat memperkasakan golongan peserta dan fasilitator untuk menjalankan tanggungjawab sosial terhadap agama, bangsa dan negara melalui khidmat kesukarelaan dan kemasyarakatan. Di samping itu, ia dapat mengasah bakat peserta dan fasilitator dalam pengurusan kepimpinan dan mempertingkatkan lagi pelbagai kemahiran praktikal dan insaniah serta daya kreativiti sebagai agen transformasi bagi negara dan ummah.

Seramai 62 orang peserta telah terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar negeri Terengganu. Penyertaan daripada Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, adalah yang paling tinggi iaitu seramai 25 orang. Tema yang digunakan pada kem kali ini ialah ‘3i (Iman, Islam & Ihsan) - Memacu Personaliti Unggul’. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program yang diketuai oleh Felo Penyelidik INSPIRE, Dr. Fauzi Yusoh ini adalah Latihan Dalam Kumpulan bersama fasilitator, slot Tadabbur, *Water Confidence*, Kembara Malam, Surat Wasiat Khalifah, persembahan ‘Aku Khalifah Allah’ dan banyak lagi. Para peserta juga berpeluang merasai pengalaman baharu iaitu tidur di dalam khemah dan melihat anak bulan di Balai Cerap UniSZA serta solat lima waktu secara berjemaah sepanjang kem ini berlangsung. Kebanyakan slot aktiviti juga telah disampaikan oleh para Felo Penyelidik INSPIRE yang lain iaitu Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullahfi, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof, Prof. Madya Dr. Wan Khairul Firdaus Wan Chik serta Timbalan Pengarah, Prof. Madya Dr. Najihah Abd Wahid.

Program ini telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Majlis Dakwah Negara Terengganu, Dato’ Haji Ismail Ali dan diserikan dengan kehadiran oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad dan Pengarah INSPIRE, Prof. Dr. Fadzli Adam. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau sangat menghargai segala kerjasama yang telah diberikan sepanjang program ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan program ini. Diharapkan program sebegini akan terus mendapat sambutan dan sokongan semua pihak.



## Program Cyber Smart (FIK)

### Jalin Hubungan Komuniti Dengan SMK Tengku Ibrahim

Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (PTNC HEPA) telah mengadakan Program *Cyber Smart* bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ibrahim, Setiu pada 23 Julai.

Program berbentuk komuniti ini memberi pendedahan siber kepada pelajar tingkatan empat di SMK Tengku Ibrahim dengan melibatkan pelajar semester empat kursus Komputer, Etika Dan Sosial (ITD 21203) daripada Diploma Teknologi Maklumat (DTM) dan Diploma Teknologi Maklumat Multimedia (DTMM), Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) UniSZA, Kampus Besut.

Program ini turut disertai oleh pensyarah pemantau dari FIK iaitu YBrs. Dr. Nurnadiah Zamri. Pengajuran *Cyber Smart* ini dilihat memberi impak positif kepada para pelajar SMK Tengku Ibrahim dalam mendepani revolusi pendidikan IR 4.0. Perkara ini sekali gus memberi ruang keterbukaan kepada golongan belia khususnya pelajar UniSZA dalam memperkasakan hubungan kemasyarakatan dengan komuniti luar. Pihak fakulti merakamkan sekalung tahniah kepada YBrs. Dr. Nurnadiah Zamri dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) serta para pelajar FIK yang terlibat kerana telah berjaya menganjurkan program sebegini.

Bertitik tolak dari program ini, FIK akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan jaringan bersama komuniti pada masa akan datang. Menurut YBrs. Dr. Nurnadiah Zamri “Menerusi perancangan turun padang bertemu komuniti seperti program hari ini, fakulti bukan sahaja dapat berkongsi ilmu dan meningkatkan lagi jalinan bersama mereka malah turut memperkenalkan UniSZA khususnya di mata masyarakat”. Beliau turut menzahirkan rasa bangga dan berkeyakinan program ini telah mencapai objektif yang disasarkan serta memberi impak yang positif kepada kedua-dua pihak.



## Program Ibadah Korban dan Akikah Pusat Islam 2019

Amalan korban menjadi satu ibadah tahunan bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia yang melakukan penyembelihan korban sama ada dilakukan di masjid, surau, balai raya, padang, taman perumahan atau rumah persendirian. Pelbagai cara dan kaedah dilakukan oleh masyarakat dalam melaksanakan penyembelihan korban. Korban bermaksud menyembelih ternakan tertentu dengan *taqarrub* kepada Allah s.w.t. pada masa-masa tertentu. Ia juga diertikan sebagai ternakan *an'am* yang disembelih pada Hari Nahar dengan tujuan *taqarrub* kepada Allah s.w.t.. Istilah *taqarrub* pula bermaksud perbuatan atau amalan yang dilakukan bertujuan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.. Ibadah ini dijalankan sebagai salah satu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. berdasarkan surah al-Kauthar ayat ke-2 dan surah al-Hajj ayat ke-36.

Bagi merealisasikan hasrat pengajuran sembelihan korban mengikut adab Islam dan kaedah sembelihan yang mengambil masa singkat dan menggunakan alatan teknologi moden, pada 11 Ogos bersamaan 10 Zulhijjah 1440H, Pusat Islam UniSZA dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Nerus telah menganjurkan Program Korban dan Akikah 2019 bertempat di Kompleks Abatoir, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kawasan Perindustrian Gong Badak.

Pada tahun ini, Pusat Islam UniSZA mengorbankan sebanyak 25 ekor lembu berbanding 20 ekor pada tahun sebelumnya. Jumlah bayaran yang dikenakan bagi mereka yang menyertai ibadah korban ini ialah RM600 setiap satu bahagian. Penyertaan ini terbuka kepada seluruh warga UniSZA serta komuniti setempat. Program ini dapat disempurnakan dengan jayanya hasil kerjasama erat dan semangat gotong-royong oleh staf Kompleks Abatoir, kakitangan Jabatan Keselamatan UniSZA, komuniti setempat serta sukarelawan pelajar.



# Program Khidmat Masyarakat 'Home Medication Review' 2019

Kesilapan dalam pengambilan ubatan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat bukan sahaja boleh menyebabkan terjejasnya keberkesanan ubat yang diambil, malah boleh mengakibatkan kesan sampingan kepada pesakit. Oleh yang demikian, langkah pencegahan seperti kesedaran tentang penggunaan ubat secara selamat dalam kalangan pesakit perlu dilakukan dan memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah institusi pengajian tinggi, hospital, klinik kesihatan dan agensi swasta yang berkaitan. Menyedari hakikat ini, Fakulti Farmasi mengambil inisiatif mengadakan Program Khidmat Masyarakat '*Home Medication Review*' (HMR) pada 13 Julai di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Putera, Besut bagi mendekati para pesakit melalui lawatan dari rumah ke rumah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya mengetahui dan memahami maklumat berkaitan penggunaan ubat-ubatan secara betul dan selamat.



Penganjuran program kali kedua ini adalah hasil maklum balas positif serta kejayaan penganjuran pada tahun 2018. Seramai 30 orang pesakit di beberapa lokasi yang berbeza telah dilawati meliputi Kampung Tembila, Kampung Pekan Sari, Kampung Baru Batu Tumbuh, Kampung Sri Nangka, Kampung Kubang Ikan dan Kampong Gong Bayor. Program ini melibatkan seramai 16 petugas yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan dan swasta termasuk Hospital Besut, Klinik Kesihatan Jabi, Klinik Kesihatan Jerteh, Klinik Kesihatan Padang Luas, Klinik Kesihatan Kampung Raja, Klinik Kesihatan Seri Medang, Farmasi Ibnu Sina, Farmasi Pharmacoplus, Farmasi Ammar Medicare serta MPKK Tembila, Pekan Sari, Sri Nangka, Gong Bayor, Kubang Ikan dan Kg. Baru Batu Tumboh.

Fokus utama pasukan HMR ini adalah untuk mendekati pesakit melalui lawatan rumah ke rumah dalam usaha untuk berkongsi maklumat bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai penggunaan ubatan secara selamat. Selain itu, program ini juga berupaya mendekatkan Fakulti Farmasi dengan komuniti melalui program kebijakan dan kemasyarakatan.

Program yang bermula dengan taklimat awal dan disusuli dengan Majlis Perasmian dan pelepasan pasukan HMR disempurnakan oleh Dekan Fakulti Farmasi, Prof. Dr. Ab. Fatah Ab. Rahman. Pasukan HMR yang dibahagikan kepada enam pasukan bergerak secara berasingan ke rumah-rumah pesakit yang telah dikenal pasti oleh pihak MPKK.



Melalui lawatan ini, pesakit dan penjaga diberi penerangan mengenai kaedah penggunaan ubat yang betul, kaedah penyimpanan ubat-ubatan, jangka masa/tempoh penyimpanan ubat dan sebagainya. Program yang berlangsung selama setengah hari ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Penganjuran program sebegini menjadi pemangkin kepada Fakulti Farmasi untuk mempromosikan program farmasi di UniSZA.

# Sambutan *Physiotherapy Day 2019* Bersama FSK

Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dan Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah mengadakan program *Physio Day 2019* yang bertempat di SMK Kompleks Gong Badak. Program ini telah diadakan pada 24 Julai yang lalu. ‘*Make It A Lifestyle, Not A Duty*’ telah diangkat sebagai tema pada tahun ini. Pemilihan tema ini adalah untuk memperkenalkan amalan gaya hidup yang sihat dalam kalangan pelajar sekolah. Para pelajar perlu menjadikan aktiviti fizikal sebagai amalan hidup untuk meningkatkan kecerdasan rohani dan jasmani.

Objektif *Physio Day 2019* pada kali ini adalah untuk memperkenalkan Program Diploma Fisioterapi khususnya dan program-program yang ada di FSK amnya kepada para pelajar di SMK Kompleks Gong Badak. Selain itu, program

ini bertujuan untuk menimbulkan minat mereka untuk menyambung pengajian dalam bidang fisioterapi. Objektif lain program *Physio Day 2019* adalah untuk menggalakkan mahasiswa Diploma Fisioterapi terlibat dalam aktiviti bersama komuniti. Di samping itu, para pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam kuliah kepada komuniti. Kemahiran komunikasi dan mengendalikan sesuatu program juga dapat diperkuuhkan melalui program ini.

Aktiviti bermula pada jam 7.30 pagi dengan senamrobik yang dikendalikan oleh mahasiswa Diploma Fisioterapi di bawah UniSZA *Physiotherapy Aerobic Team* (UPCAT). Kemudian, aktiviti

diteruskan dengan acara sukaneka yang melibatkan komponen-komponen kesihatan fizikal iaitu keseimbangan badan, fleksibiliti, koordinasi dan kekuatan otot badan. Pameran dan ujian kesihatan juga berlangsung sepanjang program ini. Program *Physio Day 2019* ini telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan HEPA FSK iaitu Dr. Wan Nurfarahin Wan Osman diiringi oleh pengetua SMK Kompleks Gong Badak, En. Abu Bakar RA Mohd Abdullah. Program berakhir tepat jam 2.00 petang.

Berikutnya pula pada 7 September, Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi (PPSR), FSK UniSZA telah dijemput untuk bekerjasama dengan Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS) bagi menjayakan ‘*World Physiotherapy Day 2019*’. Selain UniSZA, program ini juga disertai oleh Hospital Sultanah Nur Zahirah, *Terengganu Football Club* (TFC) dan *Terengganu Cycling* (TSG). Seramai 20 orang pelajar Program Diploma Fisioterapi telah dijemput untuk mengendalikan program ini. Mereka bertanggungjawab untuk mengendalikan senamrobik dan aktiviti kecerdasan. Selain itu, program ini juga disertai oleh staf PPSR untuk mempromosikan Program Diploma Fisioterapi kepada pengunjung.

Selain itu, di samping aktiviti utama fakulti iaitu ujian kecerdasan dan pemeriksaan kesihatan percuma, terdapat juga aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan seperti permainan 3D Physio percuma dan aktiviti kanak-kanak. Ujian kecerdasan juga dikendalikan oleh pelajar Diploma Fisioterapi yang sedang menjalani latihan klinikal di HSNZ. Jemputan ini memberi banyak manfaat kepada para pelajar khususnya dan FSK amnya. Para pelajar dapat menimba pengalaman baharu dan menambah ilmu pengetahuan sepanjang program berlangsung. Selain itu, mereka dapat meningkatkan keyakinan diri ketika berhadapan dengan komuniti yang bakal ditemui sewaktu bekerja kelak. Program ini turut menjadi medium kepada FSK untuk memperkenalkan program-program yang ada dan seterusnya mempromosikan kepada pengunjung.



## Seramai 86 Pelajar FSK Jayakan Program Cakna Kesihatan

Program Karnival Cakna Kesihatan dan Kesejahteraan Dun Rhu Rendang yang julung kali dianjurkan oleh *Medical Imaging and Radiography Student Association* (MIRSA), Fakulti Sains Kesihatan dengan kerjasama kerjasama Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Rhu Rendang dan NGO Halwa Dun Ru Rendang, Marang dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA.

Program yang melibatkan 65 orang pelajar Diploma Radiografi dan 21 orang pelajar Diploma Fisioterapi ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya pencegahan kanser payu dara di peringkat awal dengan melakukan pemeriksaan mamografi.

Program ini dijalankan pada 21-24 Ogos bertempat di Dewan Majlis Daerah Marang, Terengganu dan dirasmikan oleh pegawai ADUN Pengkalan Berangan, Tuan Haji Sulaiman Sulong, manakala majlis penutupnya disempurnakan pegawai Khas Parlimen Marang, Tuan Haji Harun Yusof.

Program yang dirancang, merangkumi pelbagai aktiviti seperti pameran berkaitan kanser payu dara, pemeriksaan kesihatan, sukan dan pemeriksaan mamografi secara percuma. Pihak MAKNA juga menawarkan khidmat pemeriksaan kesihatan payu dara serta sesi kaunseling dan konsultasi kepada masyarakat kampung tersebut.



## Majlis Menandatangani MoU dan MoA Penyelidikan antara UniSZA dengan IAIN Jember

Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Jember merupakan sebuah universiti kerajaan di Jawa Timur, Indonesia. Direktur Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Jember, Profesor Dr. KH Abdul Halim Soebahar MA yang juga merupakan Ketua Majlis Ulama Indonesia Cawangan Jember telah mengadakan lawatan ke Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA pada 14 April 2018 dalam usaha mereka untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UniSZA.

Berdasarkan perbincangan dua hala antara Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan, FKI, Dr. Mohamad Zain Mat@Mohamad dan pihak IAIN Jember pada 14 April 2018, persetujuan telah dicapai untuk mengadakan Memorandum Perjanjian (MoA) Penyelidikan bersama antara kedua-dua pihak. Akhirnya majlis menandatangani MoU dan MoA telah berjaya dilangsungkan pada 7 September 2019 baru-baru ini bertempat di IAIN Jember. Majlis menandatangani MoU dan MoA ini dibuat bersempena dengan *International Conference 'Spirituality and Education For Civilizational Sustainability in the IR 4.0 Era'*. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) iaitu Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh yang mewakili Naib Canselor telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucaptama dalam seminar tersebut. Delegasi UniSZA turut disertai oleh beberapa ahli kumpulan penyelidik iaitu Dr. Anas Mohd Yunus (ketua penyelidik), Prof. Madya Dr. Hasanulddin Mohd dan Dr. Suyatno Ladiqi turut terlibat dalam seminar berkenaan sebagai pembentang dalam sesi selari.



Manfaat daripada MoU dan MoA ini antara lain adalah perkongsian pengetahuan serta pengalaman bersama berkaitan kurikulum dan proses pengajaran universiti dan pondok di Malaysia dan Indonesia. Seterusnya usaha sedang giat dijalankan untuk menerbitkan artikel bersama dalam jurnal berindeks. Demikian juga susulan daripada projek penyelidikan bersama yang sedang dijalankan antara pasukan penyelidik UniSZA dan IAIN turut mensasarkan penerbitan buku ilmiah.

## **FIK TERIMA LAWATAN DARIPADA PELAJAR UNIVERSITAS BENGKULU, INDONESIA**



Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah menerima sembilan orang pelajar dari Universitas Bengkulu, Indonesia yang diiringi oleh sepuluh orang pelajar daripada Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) UniSZA sempena program Mobiliti *Inbound* bermula pada 21 Julai - 16 Ogos. Sempena lawatan tersebut, mereka telah disambut baik oleh warga fakulti dan satu sesi taklimat ringkas mengenai FIK telah disampaikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan FIK, Prof. Madya Dr. Mohamad Afendee Mohamed. Usai sesi taklimat, para pelajar telah dibawa melawat ke sekitar makmal yang terdapat di fakulti. Mereka turut dibawa melawat ke UniSZA Digital Hub dan diperkenalkan dengan kemudahan *Co-Working Space* yang pertama di UniSZA. Rata-rata mereka melahirkan rasa teruja dengan kemudahan yang terdapat di FIK dan berminat untuk menyambung pengajian peringkat pascasiswazah pada masa akan datang. Lawatan diteruskan dengan meninjau kemudahan di UniSZA Kampus Besut. Pihak pengurusan fakulti amat berbesar hati menerima lawatan pelajar daripada Universitas Bengkulu tersebut.

## **Lawatan Akademik Ke University of Yamanashi dan Menandatangani Letter of Intent dengan UniSZA**

Pada 10 September yang lalu, Delegasi UniSZA yang diketuai oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan mengadakan lawatan akademik ke Universiti of Yamanashi (UY), Jepun bagi membentuk kerjasama dalam bidang Perkhidmatan Perubatan *Radiation Oncology* di Hospital Pengajar UniSZA. *Radiation Oncology* merupakan salah satu kaedah rawatan kanser yang menggunakan sinaran radiasi untuk membunuh sel kanser. Antara delegasi UniSZA yang turut serta dalam lawatan tersebut ialah Dekan Fakulti Perubatan UniSZA, Prof. Dr. Nordin Simbak, Pendaftar UniSZA En. Ismail Ahmad dan guru bahasa Jepun UniSZA, Encik Kazuki Iseno.

*Letter of Intent* ditandatangani oleh kedua-dua universiti oleh Naib Canselor UniSZA dan Presiden University of Yamanashi (UY), Prof. Dr. Shinji Shimada. Turut hadir semasa sesi pertemuan tersebut ialah Naib Presiden UY, Prof. Dr. Masayuki Takeda merangkap Pengarah Hospital UY; Ketua Jabatan Radiologi UY, Prof. Dr. Hiroshi Onishi; dan Naib Presiden Hubungan Antarabangsa UY, Prof. Dr. Xiaoyang Mao.

Delegasi UniSZA juga dibawa melawat ke hospital UY dan Jabatan Radiologi disusuli dengan majlis makan malam bersama Presiden UY. Pihak Fakulti Perubatan selaku urus setia dalam mengendalikan lawatan ini berharap agar kerjasama kedua-dua institusi dapat menyediakan kepakaran dalam bidang *Radiation Oncology* di Fakulti Perubatan UniSZA dengan kerjasama University of Yamanashi sekali gus berupaya menjalankan kerjasama penyelidikan, penerbitan dan persidangan dalam bidang tersebut.



# UniSZA - UMSIDA Meterai MoU

Program Pertukaran Pelajar dan Mengadakan Mini Simposium  
(Pendidikan Islam & Sains)



sehingga 11 Januari 2020.

Hasil kerjasama tersebut diterjemah dengan program pertukaran pelajar melibatkan tiga orang mahasiswa FKI ke UMSIDA dan tiga mahasiswa FAI datang ke UniSZA. Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Program Pertukaran antara UniSZA dan UMSIDA serta Mini Simposium berteraskan (Pendidikan Islam & Sains) telah dilaksanakan di Dewan Senat, UniSZA pada 12 September. Mini simposium kali ini dianjurkan oleh FKI dengan melibatkan tiga orang pembentang yang berkongsi hasil kajian masing-masing. Pembentang terdiri daripada seorang wakil dari UMSIDA dan dua orang dari FKI, UniSZA. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) iaitu Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad yang mewakili Naib Canselor UniSZA. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh dan Dekan FKI iaitu Prof. Dr. Abdul Hakim Abdullah.

Menerusi ucapan perasmian, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad menyatakan bahawa MoA ini dijangka akan menambahkan nilai kemahiran insaniah dan kemahiran pelajar UniSZA dan UMSIDA. MoA ini juga merupakan inisiatif FKI untuk mengeratkan hubungan antara UniSZA dengan UMSIDA. Di samping itu, ia bertujuan menambah jaringan antarabangsa yang secara langsung memperkenalkan UniSZA dan FKI kepada universiti luar negara. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan bidang ilmu yang diceburi.

Kewujudan kerjasama yang baik antara UniSZA dengan UMSIDA ini berupaya menatjahkan hasil yang bermanfaat untuk kedua-dua universiti dalam segala aspek seperti akademik, penyelidikan, penerbitan, penyeliaan dan lain-lain.

Universitas Muhammadiyah Sidoarjo (UMSIDA) merupakan sebuah universiti swasta yang berkembang dengan pesat di Jawa Timur, Indonesia. Pihak UMSIDA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UniSZA sejak tahun 2015. Hasil daripada perbincangan MoU tersebut, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan Fakulti Agama Islam (FAI) telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama mobiliti berkredit. Program mobiliti berkredit ini dilaksanakan secara timbal balik (*reciprocal*) atau konsep lebih mudah difahami iaitu situasi yang menguntungkan kedua-dua universiti. Program ini diadakan pada semester I sesi 2019/2020 bermula pada 8 September 2019



In the middle of August 2019, a group of 12 students and three lecturers from the School of Medical Imaging, Faculty of Health Sciences, UniSZA, Terengganu organized an academic visit to Universitas 'Aisyiyah (UNISA), Yogyakarta, Indonesia. The main purpose of the academic visit was to provide new experiences to the undergraduate students. These include the technologies applied, the workflow practiced and the advanced roles of radiographers in UNISA. In addition, students were also given the opportunity to know other international students who are also studying similar courses. This interaction allowed the exchange of thoughts and ideas among the students as well as served to improve their social skills.

The programme also included a MoU signing ceremony between both universities. The MoU will encourage academic sharing of experiences, especially on teaching and learning methods. In addition, academic researchers from both universities will expand their research network linkage to allow more research collaboration and funding.

After the ceremony, the students were brought to visit all facilities provided at UNISA such as the library, laboratories and administration offices. UNISA is a new private university with excellent facilities and support services. The simulation laboratories are well-equipped and can be found on different floors in their own building.

Students attended the National Seminar of Radiology organised by UNISA. The participants included representatives from medical centers, clinical radiographers and radiography students from all over Yogyakarta. The invited speakers were from three institutions; Dr. Kamarul Amin Abdullah (UniSZA), Widya Mufida, M.Tr.ID (UNISA) and Dr. Lina Choridah, Sp Rad(K) (RSUP DR Sardjito). The theme of the seminar was "New Trends in Diagnostic Imaging". After the seminar, students visited the UNISA Radiology Laboratory to observe the quality control and radiographic demonstrations, which were conducted by the UNISA lecturers and students.

On the last day, students were brought to visit a hospital in Yogyakarta, namely RS PKU Muhammadiyah. The aim was to provide a real experience to the students on the working environment and the current workflow in the radiology department at the local hospital. Upon arrival, students were welcomed by the Director of the hospital, Dr. Hj Mohammad Komarudin, who explained the details of the hospital and the radiology department. Later, students were brought to visit the radiology and radiotherapy departments. The outcomes of this academic visit and MoU between both universities is to open more opportunities to improve our current practices and standards so as to benefit the nation.

# Medical Imaging Students on the Move



# PERLUAS JALINAN ANTARABANGSA MALAYSIA – INDONESIA MELALUI PROGRAM MOBILITI



Seramai 15 orang pelajar ijazah sarjana muda dari dua buah universiti terkenal di Indonesia iaitu Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ) dan Universitas Sriwijaya (UNSRI) telah mengikuti Program Pertukaran Pelajar Mobiliti Berkredit di Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), UniSZA Kampus Besut bermula 14 Julai - 8 Ogos.

Menurut Dekan FIK, Prof. Madya Ts. Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin, program seumpama ini selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengantarabangsakan sektor pendidikan. Ia selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan bahawa setiap pelajar harus berkembang menjadi rakyat global yang disemai dengan nilai-nilai teras serta identiti yang kukuh sebagai rakyat Malaysia. Melalui program mobiliti sebegini, pelajar boleh memperluaskan pengalaman mereka di peringkat antarabangsa bagi melengkapkan potensi global mereka. Turut hadir dalam majlis taklimat yang telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama FIK ialah Dekan Fakultas Ilmu Komputer UPNVJ, Dr. Ermatita M. Kom dan Ketua Jurusan Sistem Informasi, Fakultas Ilmu Komputer UNSRI, Puan Endang Lestari. Delegasi telah disambut baik oleh pihak pengurusan FIK dalam satu majlis yang berlangsung dalam suasana ceria dan harmoni. Menurut Penyelaras Mobiliti dan Industri FIK, Dr. Elissa Nadia Madi, hasrat UniSZA agar program sebegini dapat memberikan pengalaman luar biasa serta menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam diri pelajar. Pelajar turut berpeluang mempelajari bahasa asing dan mengkaji keunikan kesusasteraan bahasa Melayu melalui komunikasi dengan masyarakat tempatan.

Program pertukaran pelajar ini juga membolehkan pelajar mengenali budaya negara lain. Hal ini kerana setiap negara mempunyai budaya unik tersendiri yang patut dipelajari oleh masyarakat negara lain. Pihak pengurusan FIK juga telah menyediakan pelbagai aktiviti bagi mengisi masa mereka selama sebulan di sini. Selain mengikuti pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah, mereka turut dibawa melawat ke Desa Ukiran Kayu, mendaki Bukit Keluang di Besut, melawat salah satu pulau tercantik di Malaysia iaitu Pulau Perhentian dan menerokai alam semula jadi di Air Terjun Lata Kolam dan Tasik Kenyir. Keunikan budaya, keramahan penduduk dan tarikan tempat-tempat menarik di negeri ini ternyata mampu menarik minat para pelajar dari negara seberang itu untuk mendalam lagi budaya masyarakat tempatan.

Secara kesimpulannya, program pertukaran pelajar antara Malaysia dengan Indonesia memberi peluang kepada pelajar untuk mengeratkan hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang terlibat. Kesanggupan sebuah universiti menghantar pelajar ke negara lain membuktikan bahawa kedua-dua pihak mengiktiraf kualiti sistem pendidikan antara satu sama lain. Pihak FIK amat berharap program kerjasama seumpama ini mampu memberi manfaat dan mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dengan Indonesia.

# Program Komuniti Korban FPP 2019 di Aceh, Indonesia

Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP) telah melakarkan satu lagi sejarah pada Hari Raya Aidil Adha tahun ini dengan mengadakan satu program komuniti antarabangsa iaitu Korban 2019 yang julung kali diadakan di Bandar Aceh, Indonesia.

Program ini telah diadakan pada 11-13 Ogos bersama rakan Memorandum Persefahaman (MoU) FPP iaitu Fakulti Bisnis dan Ekonomi, Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia. Program komuniti peringkat antarabangsa ini telah diwakili oleh dua orang pensyarah FPP iaitu Dr. Nor Mazlina Abu Bakar dan Dr. Mohd Sadad Mahmud. Majlis pelepasan peserta program telah diadakan di Blok Khadijah pada 8 Ogos yang dihadiri oleh dekan, timbalan-timbalan dekan, para pensyarah serta staf pentadbiran FPP. Setiap peserta yang menyertai program ini telah diberikan sekuntum mawar merah yang diikat dengan riben putih sebagai lambang perdamaian dan kasih sayang.

Sebanyak empat ekor lembu telah dikorbankan pada Hari Raya kedua di Pondok Pengajian Darul Muta'allimin, Desa Ladong, Aceh Besar. Kawasan ini merupakan antara kawasan yang terjejas akibat tsunami pada tahun 2004. Keseluruhan kawasan ini telah ditenggelami air. Daging sembelihan telah diagihkan kepada 200 orang penduduk kawasan setempat serta para pelajar di pondok pengajian. Menariknya, setiap bahagian lembu korban termasuk kulit, perut serta tulang tidak disisa-siakan dan diagihkan sepenuhnya.

Selain itu, sumbangan sebanyak IDR10,000,000.00 turut disampaikan kepada pondok pengajian tersebut.

Program komuniti Korban 2019 yang diadakan di Aceh ini memberi kesan dan pengalaman bermakna buat warga FPP khususnya kerana ibadat korban disyariatkan adalah sebagai tanda syukur terhadap Allah s.w.t. atas segala nikmat-Nya. Pemilihan Banda Aceh ini bukan sahaja kerana hubungan kerjasama antara FPP dengan universiti di sana, tetapi ia bersesuaian kerana Aceh merupakan sebuah tempat yang suatu ketika dahulu pernah diuji dengan peristiwa tsunami. Warga Aceh sangat tabah menerima takdir Allah s.w.t. walaupun mereka kehilangan ramai ahli keluarga dan sahabat handai ketika peristiwa tersebut.

Walaupun tsunami telah berlaku pada 15 tahun yang lalu, namun peristiwa tersebut sentiasa segar dalam ingatan mereka. Selepas kejadian tsunami itu, bumi Aceh yang sebelumnya sentiasa ada pertumpahan darah kerana perperangan telah Allah gantikan dengan bumi yang subur serta semakin berkembang maju. Oleh kerana itu, FPP memilih Banda Aceh sebagai lokasi untuk mengadakan program ini.



# Public-Private Partnership:

## A Success Story for FBIM, CMU and Thailand's Industry

The essence of an international public-private partnership is the establishment of collaborative partnerships between a government agency and a private-sector company. The partnership also coins the realm of trusted acquaintances and diverse international connections among entities. The ongoing student mobility programmes between UniSZA and Chiang Mai University (CMU), Thailand was first initiated by the visit from UniSZA Board Members, that included the Chairman Board of Directors, Dato' Zolkipli Abdul; Vice Chancellor, Dato' Prof. Dr. Alias Daud, Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad, Dean of Faculty of Food Technology, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar, Dean of the Faculty of Agriculture and Biotechnology, Prof. Dr. Mat Zakaria and Senior Deputy Registrar, Mr. Ismail Musa to Chiang Mai University in March 2011.

Networking was soon established between UniSZA and CMU followed by a series of meetings, visits and participatory engagements in symposium and short courses organised by both entities. The positive outcomes from all the engagements led to the 1st Student Mobility Programme held on 1st - 9th November 2011 by 17 students from the Faculty of Food Technology, UniSZA accompanied by two faculty staff. All the conducted activities during the mobility were for academic purposes such as: (1) Understanding the education system in CMU and enabling the students to exchange ideas with CMU students about the current issues and global perspectives according to their respective fields; (2) Improving communication and teamwork skills among the students and staff; (3) Enabling the students to gain knowledge about the food industry in Chiang Mai, Thailand and (4) Experiencing the different way of life and culture in another country as well as to promote Malaysian culture internationally, especially regarding halal issues.

The visit spurred the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between UniSZA and CMU on 17th November 2011 to strengthen cooperation between our two institutions in both education and research. After sealing the MoU, UniSZA, through the Faculty of Bioresources and Food Industry (FBIM), organised another 3 series of Student Mobility Programmes in Chiang Mai with CMU. FBIM students visited several food factories in Chiang Mai for a better understanding of food product processes, status, development, and application of knowledge in the food technology field. Companies visited were Supha Bee Farm Co. Ltd, a company that produces honey bee-based products; Singha Corporation, which produces soda and sparkling water, snacks and energy drinks; Gold Milk Co. Ltd., a company that produces UHT and pasteurised milk, and SunSweet Co. Ltd. that produces canned sweet corn, as well as Raming Tea Factory and Longan Drying Company which produce whole dried longan. Our students were also given the opportunity to visit several cultural places for the purpose of understanding the way of life and the culture of the people in Chiang Mai. The meeting and gathering with Islamic communities there during the Eidul-Adha celebration was another unforgettable event for students.

The MoU has resulted in a positive relationship between UniSZA and CMU. The appointment of Asst. Professor Dr. Somchai Jomduang from Chiang Mai University, Thailand as a Visiting Lecturer for the Faculty of Bioresources and Food Industry was also done as part of the establishment of this international partnership. Return visits from CMU to UniSZA were also done as CMU's mobility programme includes a student exchange programme, academic staff exchange and research collaboration. This serves to enhance the academic performance, self-confidence, communication and soft skills of our students while strengthening international networking between both universities. Visits to local food factories in Kuala Terengganu, especially fish sausage (keropok lekor), fish cracker (keropok keping) processing factories and the palm oil processing industry (MPOB) were an eye opener to our partners from Chiang Mai on our local industries.

The signing of MoU between UniSZA with Supha Bee Farm Co. Ltd., Lanna Agro Industry Co. Ltd., and Premium Foods Co. Ltd. was held in 2014 and has contributed significantly to the success of the UniSZA-CMU collaboration. The positive response of existing cooperation between the previous food companies and the good relationship between UniSZA and CMU has attracted another two halal food industries (Raming Tea Co. Ltd. and Gold Milk Co. Ltd.) in Chiang Mai to cooperate with UniSZA. These companies signed a MoU with UniSZA on December 15, 2016. Another negotiation mission to Chiang Mai was conducted in 2019 to appreciate and renew commitments with our present industrial partners. The mission has also succeeded in meeting the management of two potential food manufacturing companies named Kriengkrai Pholamai Co. Ltd and Thongpoon Food Limited Partnership, both of which are involved in the processing of fruits.

This ongoing collaboration has benefited all parties, especially the students of FBIM, UniSZA and CMU as they have improved their communication skills as well as teamwork skills. They were able to share similarities and differences regarding food, culture, religion and education system between the two countries. In short, FBIM has benefited from this relationship and its spill-over effects such as strong international student network, joint research, and expansion of collaboration with industrial partners. 'Rome was not built in a day'. The same analogy applies to the success of this public-private partnership. Its secret recipe is passion, perseverance, comradeship and good will.



# Program Solidariti Kemanusiaan Pelarian Syria di Turki



Program Solidariti Kemanusiaan Pelarian Syria di Turki merupakan satu program komuniti peringkat antarabangsa yang memberi peluang kepada para pelajar mendekati serta menyantuni golongan yang memerlukan di Turki.

Program ini merupakan anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP) dengan kerjasama Pejabat TNC HEPA. Ia telah diadakan pada 7-15 Ogos bertempat di Istanbul dan Izmir, Turki. Program ini diketuai oleh 12 orang pelajar FPP dan disertai oleh 15 pelajar fakulti lain antaranya Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Fakulti Informatik (FIK) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI). Mereka diiringi oleh pensyarah-pensyarah FPP iaitu Dr. Noor Aina Amirah Mohd Noor, Dr. Mutia Sobihah Abd Halim dan Dr. Yusnita Yusof serta seorang pegawai dari Pejabat TNC HEPA iaitu En. Mazlan Mohammad. Majlis pelepasan peserta program ini telah diadakan di ruang legar asrama Kampus Gong Badak oleh Dekan FPP, Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud pada 6 Ogos.

Sumbangan wang sebanyak RM106,819.28 telah berjaya dikumpul bagi menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang program ini. Antara aktiviti yang dijalankan di Istanbul adalah *Street Dakwah* di kawasan Hagia Sophia, Topkapi, Masjid Eyub, *Blue Mosque*, *Street Volunteerism* di perkampungan masyarakat Syria di kawasan Alibeykoy, Eyup, dan ibadah korban. Di samping itu, para pelajar juga melawat Universiti Sabahatim Zaim, Istanbul bagi mendapat maklumat berkaitan program-program yang ditawarkan di universiti tersebut. Selain itu, para pelajar juga bertukar-tukar pandangan dengan pelajar universiti tersebut dalam sesi diskusi yang diadakan. Pihak FPP juga mengambil peluang pada sesi lawatan ini dengan menyampaikan maklumat dan risalah program Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Kewangan Islam yang ditawarkan oleh FPP.

Seterusnya, para pelajar melawat ke TUGVA Foundation di Istanbul. Dalam lawatan ini, pelajar telah menjalankan aktiviti *Intellectual Discourse* yang bertemakan *Education 4.0*. Dalam sesi ini, wakil pelajar dari UniSZA dan TUGVA Foundation memberikan ucapan berkaitan tema yang dipilih dan pelajar diberi ruang untuk bertanyakan soalan yang berkaitan. Pelajar juga turut membuat persembahan kebudayaan iaitu persembahan berzanji dan taranum, kompong dan tarian kebudayaan.

Program ini diteruskan ke daerah Izmir, yang memakan masa sembilan jam dari Istanbul. Para pelajar menjalankan aktiviti di Tiaffi Centre, iaitu pusat perkumpulan masyarakat Syria di Izmir. Di Tiaffi Centre, antara aktiviti yang dijalankan adalah memasak dan menyediakan makanan kepada kira-kira 500 orang masyarakat Syria, sukaneka bersama golongan kanak-kanak Syria, aktiviti mewarna bersama kanak-kanak kurang upaya, dan aktiviti kraf bersama golongan wanita dan ibu tunggal. Di samping itu, pelajar juga mengambil inisiatif untuk mengecat bangunan dan melukis mural di Tiaffi Centre.

Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh para peserta dan mendapat kerjasama baik daripada semua pihak yang terlibat. Program seperti ini perlu diteruskan lagi pada masa akan datang ke arah melahirkan pelajar holistik dan membawa nama UniSZA ke persada antarabangsa.



# Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam

## Pendidikan Islam di Indonesia dan Malaysia: Perkongsian Pengalaman'



Universitas Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA) Surabaya Indonesia merupakan sebuah universiti awam di Jawa Timur Indonesia yang telah mempunyai hubungan kerjasama dengan UniSZA. UINSA dan UniSZA telah mengadakan perjanjian persefahaman dan jalinan kerjasama erat antara kedua buah universiti ini. UniSZA melalui Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menandatangani MoA penyelidikan dan telah mempunyai projek penyelidikan bersama yang sedang berjalan. FKI pernah beberapa kali melakukan kunjungan ke UINSA dalam rangka mengadakan beberapa program kerjasama akademik dan penyelidikan. Hal Demikian juga berlaku kepada pihak UINSA yang turut berkunjung ke UniSZA dalam rangka program yang serupa.

Pada 16 September, FKI, UniSZA telah mengadakan satu seminar yang bertajuk Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam ‘Pendidikan Islam di Indonesia dan Malaysia: Perkongsian Pengalaman’ bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA. Seramai lima ahli panel utama yang terdiri daripada seorang wakil UniSZA, dua orang wakil UINSA dan dua orang wakil Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja masing-masing. Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan oleh wakil UINSA, manakala lima kertas kerja lagi oleh wakil daripada FKI (termasuk dua kertas kerja daripada calon siswazah UniSZA) dan dua kertas kerja dari wakil IPGM itu dari IPG Kampus Dato’ Razali dan IPG Kampus Sultan Mizan. Semua kertas kerja ini akan diusahakan untuk diterbitkan dalam jurnal berindeks. Selain itu, seramai 65 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar FKI dan UINSA hadir untuk mendengar sesi pembentangan kertas kerja tersebut.

Objektif program ini antaranya adalah untuk menerus dan menyemarakkan kerjasama yang erat antara UniSZA dan UINSA dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan dan persidangan bagi merealisasikan aktiviti perjanjian persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Selain itu, program ini juga bertujuan mempromosi kepakaran yang ada dalam kalangan pensyarah FKI secara khusus dan UniSZA secara amnya. Di samping itu, program ini dapat mewujudkan aktiviti yang memberi impak kepada kedua-dua pihak, sama ada dalam penerbitan atau penyelidikan bersama yang diambil kira dalam statistik MyRA.

Seminar ini amat signifikan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya dari segi perkongsian pendapat dan pandangan mengenai sistem pendidikan di Indonesia dan Malaysia. Program ini juga mampu meningkatkan lagi keintelektualan, kesedaran, pengalaman serta pengetahuan pelajar di samping sebagai pelengkap kepada kemahiran general yang diperoleh daripada kelas-kelas pengajaran secara formal. Pengajuran seminar ini juga diharapkan mampu membina jalinan yang lebih erat antara kedua-dua buah universiti ini dan dapat meneruskan kerjasama untuk program lain pada masa hadapan.



# Sekitar Majlis Idul Ilmi Konvokesyen ke-11

Gambar oleh:

Wan Mohd Fadzli W. Samsudin, Mohd Zulfadhl Jusoh, Mohd Robi Nordin @ Aziz, Mohd Lokman Hamid, Mohd Radzi Abdul Kadir, Syahariman A. Manaf, Ahmad Saufi Ismail



14 - 17 Oktober 2019 (s) Dewan Al - Muktafi Billah UniSZA Kampu

DEWAN AL-MUKTAFI BILLAH SHAH

KONVOKESYEN 11





1



5



2



6



3



4



7



**STATISTIK PUNGUTAN PINGAT KESELURUHAN  
KARNIVAL SUKAN MASUM 2019**  
24 Julai - 3 Ogos 2019

**Universiti  
Malaysia  
PAHANG**  
Prestasi - Persemaian - Perkembangan

BIL.	Universiti	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	64	33	35	132
2	Universiti Putra Malaysia (UPM)	44	38	27	109
3	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	20	17	28	65
4	Universiti Sains Malaysia (USM)	13	18	15	46
5	Universiti Malaya (UM)	11	17	29	57
6	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	9	7	18	34
7	Universiti Malaysia PAHANG (UMP)	9	5	13	27
8	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	7	5	5	17
9	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	4	9	10	23
10	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	4	8	8	20
11	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	2	7	10	19
12	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	2	7	5	14
13	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	2	6	6	14
14	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	2	4	13	19
15	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	2	1	3	6
16	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	1	10	11	22
17	Universiti Utara Malaysia (UUM)	1	3	6	10
18	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1	1	4	6
19	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	1	1	4	6
20	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	0	2	2	4
<b>JUMLAH</b>		<b>199</b>	<b>199</b>	<b>252</b>	<b>650</b>

8

12

9

10

11


- 1 Program Interaksi Mendaki Bukit Keluang Kampus Besut.
- 2 Liga Bolasepak Dan Piala Naib Canselor 2019.
- 3 Liga Bolasepak Dan Piala Naib Canselor 2019.
- 4 Atlet Dan Pegawai Mewakili Malaysia Di Kejohanan 30th Summer Universiade (Wug) 2019, Napoli, Itali.
- 5 Karnival Sukan MASUM 2019.
- 6 Karnival Sukan MASUM 2019.
- 7 Karnival Sukan Badan Berkanun Malaysia 2019.
- 8 Sukan Institusi Pendidikan Malaysia 2019.
- 9 MASUM Sukan Air, Rowing & Kayak 2019.
- 10 Bengkel Pembangunan Pasukan Bola Sepak UniSZA.
- 11 Kejohanan Golf Universiti Awam Kali Ke 47 2019.
- 12 Statistik Pungutan Pingat Keseluruhan Karnival Sukan MASUM 2019.



# STATISTIK PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU MENGIKUT PROGRAM PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI KEMASUKAN 2019/2020

BIL	FAKULTI	KOD	PROGRAM	KEMASUKAN		
				JUMILAH LELAKI	JUMILAH PEREMPUAN	JUMILAH KESELURUHAN
1	FBK	DB00	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA INGGERIS DENGAN KOMUNIKASI (KEPUJIAN)	14	44	58
2	FBK	DB05	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN BAHASA ARAB (DENGAN KEPUJIAN)	22	68	90
3	FBIM	DG47	IJAZAH SARJANA MUDA PRODUKSI DAN KESIHATAN HAIWAN DENGAN KEPUJIAN	9	37	46
4	FBIM	DS49	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS(KEPUJIAN) SAINS AKUATIK	6	10	16
5	FBIM	DS55	IJAZAH SARJANA MUDA BIOTEKNOLOGI PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN	7	13	20
6	FBIM	DS77	IJAZAH SARJANA MUDA PERNIAGAANTANI DENGAN KEPUJIAN	11	20	31
7	FBIM	DY01	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKANAN DENGAN KEPUJIAN	5	60	65
8	FF	DF00	SARJANA MUDA FARMASI (KEPUJIAN)	7	20	27
9	FIK	DC10	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN	24	24	48
10	FIK	DC27	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KESELAMATAN RANGKAIAN KOMPUTER) DENGAN KEPUJIAN	22	18	40
11	FIK	DC31	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KOMPUTERAN INTERNET) DENGAN KEPUJIAN	12	16	28
12	FIK	DC32	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (INFORMATIK MEDIA) DENGAN KEPUJIAN	19	19	38
13	FIKI	DI01	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (USULUDDIN) DENGAN KEPUJIAN	42	69	111
14	FIKI	DI02	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH) DENGAN KEPUJIAN	35	86	121
15	FIKI	DI07	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM (DAKWAH) DENGAN KEPUJIAN	40	64	104
16	FIKI	DI13	IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN KAUNSILING DENGAN KEPUJIAN	24	70	94
17	FIKI	DI30	IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH (QIRAAAT) DENGAN KEPUJIAN	20	16	36
18	FPP	DE02	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN	25	74	99
19	FPP	DE23	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (KEWANGAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN	38	73	111
20	FPP	DP36	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN RISIKO DAN TAKAFUL) DENGAN KEPUJIAN	23	61	84
21	FPP	DP60	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN KEKAYAAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN	22	50	72
22	FP	DM00	IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN	22	38	60

23	FRIT	DH12	IUAZAH SARJANA MUDA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN DENGAN KEPUJIAN	30	26	<b>56</b>
24	FRIT	DY92	IUAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN DENGAN KEPUJIAN (REKA BENTUK PRODUK)	26	14	<b>40</b>
25	FSK	DM03	IUAZAH SARJANA MUDA SAINS BIOPERUBATAN DENGAN KEPUJIAN	12	41	<b>53</b>
26	FSK	DM05	IUAZAH SARJANA MUDA DIETETIK DENGAN KEPUJIAN	3	54	<b>57</b>
27	FSK	DM13	IUAZAH SARJANA MUDA PENGIMEJAN PERUBATAN (KEPUJIAN)	8	51	<b>59</b>
28	FSK	DS04	IUAZAH SARJANA MUDA SAINS PEMAKANAN (KEPUJIAN)	4	36	<b>40</b>
29	FSSG	DA14	IUAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (ANTROPOLOGI DAN DAKWAH) DENGAN KEPUJIAN	39	89	<b>128</b>
30	FSSG	DAS2	IUAZAH SARJANA MUDA KERJA SOSIAL DENGAN KEPUJIAN	14	102	<b>116</b>
31	FUHA	DL00	IUAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN	22	86	<b>108</b>
32	FUHA	DL06	IUAZAH SARJANA MUDA HUBUNGAN ANTARABANGSA DENGAN KEPUJIAN	27	60	<b>87</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>634</b>	<b>1509</b>	<b>2143</b>



### **PERADABAN ISLAM: ISU DAN CABARAN**


**Penulis:** Najihah Abd Wahid, Fadzli Adam & Syed Hadzrullah Syed Omar

**ISBN:** 978-967-2231-13-4

**Harga:** RM43.00

**Tahun:** 2019

Peradaban Islam mempunyai ruang lingkup perbahasan yang sangat luas. Peradaban Islam yang kuat dan utuh akan dapat memperkasakan ketamadunan Islam untuk kembali gemilang. Buku Peradaban Islam: Isu dan Cabaran ini, cuba mengupas dan mengumpulkan beberapa aspek penting berkaitan peradaban Islam. Beberapa isu berkaitan pembinaan peradaban Islam secara menyeluruh turut dikupas oleh para akademik dalam bab-bab yang terkandung dalam buku ini. Adalah diharapkan, penerbitan buku ini akan dapat membantu menyemarakkan lagi usaha-usaha untuk membangunkan peradaban Islam, sekaligus memahami isu-isu dan cabaran-cabaran yang wujud dalam usaha memperkasakan peradaban Islam di mayapada ini.



### **FIQH MAZHAB SYAFI'I: SOAL JAWAB ISU-ISU TERPILIH**

**Penulis:** Basri Ibrahim

**ISBN:** 978-967-2231-04-2

**Harga:** RM68.00

**Tahun:** 2018

Soal jawab terpilih fiqah yang dibentangkan dalam buku ini merangkumi keseluruhan tajuk yang biasa dibincangkan dalam kitab-kitab fiqah mazhab al-Syafi'i. Ia melibatkan tajuk ibadah; muamalat; kekeluargaan; jenayah; jihad; perburuan dan sembelihan; makanan, minuman; korban, hiburan, hukum hakam pengadilan (*qada'*) dan pengurusan jenazah. Walaupun melibatkan tajuk yang menyeluruh tetapi perbincangan hanya melibatkan isu-isu terpilih yang sering berlaku dalam masyarakat. Hal ini kerana masih ada individu-individu dalam masyarakat yang gagal mengetahuinya, meskipun sudah bergelar ketua keluarga dan pemimpin masyarakat. Isu-isu yang dibentangkan dalam buku ini sangat penting untuk diketahui oleh umat Islam dewasa ini bagi mengelakkan berlakunya kesalahan dalam amalan harian baik yang melibatkan urusan ibadah mahupun bukan ibadah. Buku ini amat baik untuk bacaan umum dan bahan rujukan bukan sahaja kepada pelajar, bahkan juga kepada pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama, Majlis Agama Islam Negeri dan daerah, guru-guru agama dan orang-orang awam yang ingin mendalami pelbagai isu semasa yang dijawab menurut pandangan ulama mazhab al-Syafi'i. Antara keistimewaan buku ini selain tertumpu kepada isu-isu terpilih yang masih relevan dengan masyarakat Islam masa kini, ia juga melibatkan penggunaan bahasa dan gaya ulasan yang mudah dan senang difahami oleh semua lapisan masyarakat.



### **KITAB PERIBAHASA ARAB MAJMA' AL-AMTHAL KARYA AL-MAYDANIY**

**Penulis:** Nik Radhiah Nik Ali, Kamarul Shukri Mat Teh

**ISBN:** 978-967-0899-93-0

**Harga:** Cetak RM49.00; E-Buku: RM20.90

**Tahun:** 2018

Buku ini membincangkan tentang sebuah buku peribahasa Arab *Majma' al-Amthal* yang terkenal dalam kalangan sarjana Arab. Ia merupakan buku peribahasa Arab hasil nukilan al-Maydaniy. *Majma' al-Amthal* memberi gambaran tentang adat budaya yang diamalkan oleh masyarakat Arab seperti menanam anak perempuan, meminum darah, menyalak seperti anjing dan sebagainya. Bahkan, kitab *Majma' al-Amthal* turut menonjolkan elemen yang biasa digunakan dalam peribahasa Arab seperti haiwan dan tumbuhan. Nilai murni yang terkandung di dalam buku ini mempunyai nilai pendidikan dan tarbiyah yang sangat tinggi seperti bercakap benar, menghormati jiran, bersyukur dengan apa yang ada dan sebagainya.